



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

PENDIDIKAN KHAS

**TINGKATAN
4**





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

PENDIDIKAN KHAS
TINGKATAN 4

PENULIS

ASMAH BINTI ABDUL HAMID
NORHANI BINTI ABDUL KARIM

EDITOR

HASNAH BINTI AHMAD NADZAR
NOR BAIZURA BINTI IBRAHIM

PEREKA BENTUK

NOR SHAZILA BINTI ISMAIL


ILUSTRATOR

NURUL AIN BINTI AZNAN



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0142

KK 499-221-0102011-49-2520-30101
ISBN 978-983-49-2520-8

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-2147 9643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
ISQ Publishing Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.,
No. 4200-A, Simpang Tiga Telipot,
Jalan Sultan Yahya Petra,
Peti Surat 67, 15700 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera (NSK), Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Sukan Negara (MSN).
- Penerbitan Jaya Bakti Sdn. Bhd.
- SMK Abdul Jalil, Hulu Langat, Selangor.
- SMK Dusun Nanding, Hulu Langat, Selangor.
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- Yayasan Kepimpinan Perdana.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.



KANDUNGAN

Pendahuluan	vi
Panduan Ikon	viii

TEMA 1 PENCAPAIAN KENDIRI 1

Unit 1	Perancangan Kendiri	2
Unit 2	Mengurus Emosi	7
Unit 3	Disiplin	13
Jom Berkomunikasi		17

TEMA 2 HUBUNGAN KEKELUARGAAN 19

Unit 4	Riadah Keluarga	20
Unit 5	Kami Bersamamu	25
Unit 6	Hormat-menghormati	29
Jom Berkomunikasi		33

TEMA 3 MASA LAPANG 35

Unit 7	Perkemahan	36
Unit 8	Kraf Tangan	41
Unit 9	Membaca	47
Jom Berkomunikasi		51

TEMA 4 INSAN ISTIMEWA 53

Unit 10	Paralimpik	54
Unit 11	Hak OKU	59
Unit 12	Anda Boleh	63
Jom Berkomunikasi		67

TEMA 5 HIDUP BERMASYARAKAT 69

Unit 13	Amalan 5S	70
Unit 14	Kerja Berpasukan	75
Unit 15	Masyarakat Majmuk	81
Jom Berkomunikasi		85

**TEMA 6 EKONOMI DAN
PENGURUSAN
KEWANGAN 87**

Unit 16	Usahawan Berjaya	88
Unit 17	Etika Kerja	93
Unit 18	Bijak Merancang	97
Jom Berkomunikasi		101

TEMA 7 ALAM SEKITAR 103

Unit 19	Sumber Air	104
Unit 20	Pencemaran	109
Unit 21	Pembangunan Lestari	113
Jom Berkomunikasi		117

TEMA 8 ISU SEMASA 119

Unit 22	Etika Laman Sosial	120
Unit 23	Buli	125
Unit 24	Nilai Murni	131
Jom Berkomunikasi		135

**TEMA 9 SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI 137**

Unit 25	Dunia di Hujung Jari	138
Unit 26	Pintarkah Telefonku?	143
Unit 27	Reka Cipta dan Inovasi	149
Jom Berkomunikasi		153

TEMA 10 POLITIK 155

Unit 28	Kepimpinan Melalui Teladan	156
Unit 29	Identiti Nasional	161
Unit 30	Jati Diri	167
Jom Berkomunikasi		171

Glosari		173
Senarai Rujukan		175
Indeks		176



PENDAHULUAN

Buku Teks *Bahasa Melayu Komunikasi Pendidikan Khas Tingkatan 4* ini ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) *Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 4* yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kandungan buku teks ini disusun mengikut tema yang dipilih khusus untuk melengkapkan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dengan keterampilan berbahasa, berkomunikasi serta memperoleh ilmu, maklumat, kemahiran dan nilai bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan kerjaya. Terdapat sepuluh tema, iaitu Pencapaian Kendiri, Hubungan Kekeluargaan, Masa Lapang, Insan Istimewa, Hidup Bermasyarakat, Ekonomi dan Pengurusan Kewangan, Alam Sekitar, Isu Semasa, Sains, Teknologi dan Inovasi serta Politik. Setiap tema dibahagikan kepada beberapa unit bagi memudahkan murid memahami setiap topik yang dibincangkan. Setiap tajuk yang disediakan telah disesuaikan dengan tahap perkembangan intelektual MBK.

Buku ini memuatkan pelbagai jenis teks, aktiviti, latihan dan bahan grafik yang menepati tema dan standard pembelajaran. Kandungan buku teks ini berfokus kepada pemerolehan pengetahuan berbahasa, penerapan elemen kreativiti dan inovasi, Elemen Merentas Kurikulum (EMK), pemupukan nilai murni dan perpaduan seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) *Bahasa Melayu Komunikasi Pendidikan Khas Tingkatan 4*. Pemilihan aktiviti dan latihan berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21 dengan menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kemahiran berfikir murid turut diperluas melalui pelbagai pendekatan, antaranya termasuklah peta pemikiran, penyelesaian masalah dan pemerolehan maklumat.

Penulisan buku ini disusun menggunakan pendekatan modular untuk membolehkan penggabungan ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid. Idea yang disampaikan juga dapat membantu guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan berfokus kepada konsep Bahasa Melayu Komunikasi yang spesifik.

Buku ini menggunakan kaedah penceritaan melalui watak yang dipilih melibatkan murid daripada pelbagai kaum di seluruh Malaysia. Sudut info menyediakan maklumat tambahan bagi membantu murid memahami fakta yang disampaikan. Kod Respons Pantas atau *Quick Response Code* (QR Code) digunakan untuk mengimbas maklumat tambahan melalui aplikasi telefon

pintar *QR Reader*. Glosari, indeks dan senarai rujukan juga disediakan pada bahagian akhir buku teks ini.

Akhir kata, penulis berharap agar buku ini dapat dijadikan bahan pengajaran yang berkesan kepada MBK serta membantu mereka meningkatkan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi. Setiap maklumat dan ilmu pengetahuan yang dikongsikan akan dapat dijadikan sumber rujukan kepada mereka dan diaplikasikan dalam kehidupan harian.

Asmah binti Abdul Hamid
Norhani binti Abdul Karim

PANDUAN IKON

Mendengar dan Bertutur

Melibatkan keupayaan murid mendengar, melihat dan mengecam, berbual dan berbincang untuk menjalinkan hubungan dan menyampaikan maklumat.

Membaca

Memfokuskan keupayaan murid membaca secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat membaca pelbagai bahan.

Menulis

Memfokuskan keupayaan murid menulis perkataan, rangkai kata dan ayat serta melahirkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan.

Jom Berkomunikasi

Memberikan galakan kepada murid supaya berkomunikasi dengan baik.

Aktiviti

Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan kemahiran.

Penilaian

Bertujuan untuk menilai kefahaman murid terhadap kandungan tema.

Standard Pembelajaran

Mengandungi nombor standard pembelajaran.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Kod Respons Pantas atau Quick Response Code (QR Code)

Maklumat tambahan yang perlu diimbas dengan menggunakan telefon pintar.

Info

Memberikan maklumat tambahan tentang sesuatu perkara yang dibincangkan.





TEMA 1

PENCAPAIAN KENDIRI

- 1 Apakah yang anda lihat dalam gambar tersebut?
- 2 Apakah yang sedang dilakukan oleh murid-murid tersebut?
- 3 Pada pendapat anda, mengapakah murid-murid menumpukan perhatian semasa guru sedang mengajar?



Mendengar dan Bertutur

Bengkel Kerjaya

 TEMA
1

Zahari, Farihin dan Nisa mengikuti bengkel kerjaya. Tujuan mereka menyertai bengkel tersebut adalah untuk persiapan diri sebelum menghadiri temu duga di Pusat GIATMARA.

Zahari: Saya gembira mengikuti bengkel kerjaya ini. Saya telah bersedia untuk menghadapi temu duga akan datang.

Farihin: Ya, Zahari. Saya pula berasa lebih yakin selepas menyertai bengkel tersebut.

Nisa: Lebih menyeronokkan apabila latihan sesi temu duga dijalankan.

Zahari: Selain itu, kita juga diajar cara penyusunan sijil dan dokumen.

Farihin: Betul, Zahari! Melalui bengkel ini juga, kita akan lebih bersedia untuk menghadapi temu duga.



Zahari, Farihin dan Nisa menyusun dokumen mengikut keutamaan.



GAPEL-MIN-01

GIATMARA
Guru Iktisaf Malaysia

BORANG PERMOHONAN
MENGIKUTI LATIHAN KEMAHIRAN GIATMARA

Lekatkan Gambar Berukuran Pasport

A MAKLUMAT AM
Dan Sumber Manakah Anda Mengetahui Perihal Kursus Ini ?
 Media Cetak Media Elektronik Internet
 Rakan-Rakan Keluarga Pameran / Karnival Pendidikan

B PILIHAN KURSUS GIATMARA

KURSUS

Pertama
Kedua
Ketiga

C BUTIR-BUTIR PERIBADI

Nama Penuh (HURUF BESAR) _____
 No Kad Pengenalan (Awam) _____
 (Tentera / Polis) _____ Umur _____ Jantina* : Lelaki / Perempuan

Tarikh Lahir _____
 No. Telefon (Rumah) _____ No Tel. HP _____
 Alamat Surat Menyurat _____


Negeri _____ Etnik _____ Agama _____
 Bangsa _____
 Bujang Berkahwin Duda Janda

Taraf Perkahwinan* :
 01. Pekar 02. Persempang 03. Berbilang Sesi 04. Pihak-pihak Berbeza 05. Kaabahwan Kerjasama 06. Anggapan Tersebut 07. Anggapan Pulu

Kategori Pemohon* :
 08. Bekas Tentera 09. Bekas Polis 10. Peniaga 11. Bekas Kumpulan 12. Sur Rumah 13. Lulusan Sekolah 14. Orang Kurang Upaya (OKU)

Kelulusan Tertinggi _____
 Pernah Mengikuti Kursus Di GIATMARA ? Pernah Tidak Pernah
 Malmat Selepas Menamatkan Kursus Melanjutkan Pelajaran Bekerja Bekerja

Borang ini diberi peruntukan



Bil.	Dokumen yang Diperlukan (Asal dan Salinan)	Senarai semak (/)				
		1	2	3	4	5
1.	Sijil-sijil berkaitan.					
2.	Kad OKU.					
3.	Gambar berukuran pasport.					
4.	Surat tawaran saringan temu duga.					
5.	Salinan kad pengenalan.					



Aktiviti

Lakukan simulasi penyusunan fail berdasarkan senarai semak.



1.3.1 Mengemukakan maklumat berdasarkan situasi.



Menghadiri Temu Duga

Pada 18 Oktober yang lalu, Zahari telah menghadiri temu duga di Pusat GIATMARA. Pelbagai kursus ditawarkan di pusat tersebut. Zahari melihat risalah berkaitan kursus yang ditawarkan di situ.

KURSUS YANG DITAWARKAN

1. Bakeri.
2. Pendawaian elektrik.
3. Teknologi automotif.
4. Masakan dan pramusaji.
5. Teknologi sistem komputer.
6. Solekan dan terapi kecantikan.
7. Fesyen dan membuat pakaian.
8. Rawatan kesihatan dan kecantikan.
9. Teknologi baik pulih dan mengecat kenderaan.
10. Teknologi penyejukbekuan dan penyamanan udara.



Baca maklumat yang diberikan, kemudian beritahu rakan anda.





Menulis

Zahari melengkapkan maklumat dirinya.



Borang Maklumat Diri

BAHAGIAN A (Maklumat diri)

1. Nama penuh:
2. Tarikh lahir:
3. No. kad pengenalan:
4. Jantina:
5. Warganegara:
6. Alamat rumah:
7. Tempat lahir:
8. Keturunan:
9. Penyakit dihidapi (jika ada):

BAHAGIAN B (Maklumat ibu bapa atau penjaga)

1. Nama:
2. No. kad pengenalan:
3. No. telefon:
4. Hubungan dengan pelajar:
5. Pekerjaan:





Penilaian I

Lakukan simulasi di bawah.

Zahari dan rakan-rakannya telah menerima surat tawaran temu duga daripada Pusat GIATMARA dalam kursus kulinari. Cikgu Bahriah selaku guru kaunseling membuat simulasi temu duga sebagai persediaan diri murid-muridnya.

TEMA
1



Bil.	Soalan Penemu Duga
1.	Perkenalkan diri anda.
2.	Apakah yang anda tahu tentang kursus kulinari?
3.	Mengapakah anda memilih kursus kulinari?
4.	Apakah peluang kerjaya yang sesuai dengan kursus kulinari?
5.	Ceritakan pengalaman anda semasa terlibat dalam bidang masakan.



Mendengar dan Bertutur

Membuat Keputusan

TEMA
1

- Adeen: Saya telah mendapat tawaran ke Pusat GIATMARA. Saya sangat berminat untuk mengikuti bidang teknologi automotif.
- Hanif: Tahniah, Adeen. Teknologi automotif sangat penting dan diperlukan pada masa ini.
- Adeen: Saya berasa risau sebab saya belum bersedia untuk meninggalkan keluarga. Saya terpaksa hidup berdikari di tempat baharu.
- Hanif: Kamu tidak perlu risau, Adeen. Ibu bapa kamu boleh datang dan menjenguk kamu semasa di sana. Apabila cuti, kamu juga boleh balik ke rumah.
- Adeen: Betul juga cakap kamu.



Aktiviti

1. Apakah nasihat Hanif kepada Adeen?
2. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu membuat keputusan sendiri tentang kerjaya yang dipilih?



1.1.2 Mendengar atau melihat dan memberi maklum balas terhadap maklumat yang diterima.



Membaca

Pautan Kasih



TEMA
1

Pusat GIATMARA telah mengadakan **Majlis Pautan Kasih** bersama-sama pelajar baharu. Adeen mengikuti kursus teknologi **automotif** di situ.

ATUR CARA MAJLIS PAUTAN KASIH

Tarikh:	5 November 20
Hari:	Selasa
7:30 pagi:	Pendaftaran
8:00 pagi:	Ucapan perasmian Pengarah GIATMARA Negeri Selangor
8:30 pagi:	Sesi perkenalan
10:30 pagi:	Minum pagi
11:00 pagi:	Taklimat peraturan
1:00 tengah hari:	Rehat
2:30 petang:	Taklimat kursus <ul style="list-style-type: none">• Ceramah Hala Tuju Kerjaya• Ceramah Pengurusan Emosi bertajuk: Motivasi Diri
5:00 petang:	Majlis penutupan



Adeen tertarik mendengar **ceramah** motivasi diri dalam majlis tersebut. Adeen ingin mengamalkan tip yang diberikan oleh **pakar motivasi** dalam ceramah tersebut.




Aktiviti

Berikan maksud rangkai kata dan perkataan yang berhuruf tebal.



2.1.2 Membaca untuk memahami maksud perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat.



Menulis

Zahari dan Adeen berasa seronok mengikuti latihan di Pusat GIATMARA. Banyak aktiviti yang dilakukan oleh mereka semasa di pusat latihan tersebut.

Pilihan Kursus

TEMA
1

Automotif



Kulinari



Semenjak memasuki Pusat GIATMARA, Zahari boleh berdikari, bersosial dan semakin pandai mengurus diri sendiri.

TEMA
1



mengemas pakaian



mengemas katil

RUTIN HARIAN



mengambil makanan



bermain bola sepak



Aktiviti

Bina ayat berdasarkan gambar dan rangkai kata yang diberikan.



3.2.2 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.



Penilaian 2

Stres boleh diatasi dengan cara-cara yang berikut.
Bincangkan.

TEMA
1

Cara-cara Mengatasi Stres



1



2



3



4

(Sumber: www.myhealth.gov.my/cara-mengawal-stres)



Mendengar dan Bertutur

Syabas,
Aqila!

TEMA
1

Aqila ialah pelajar kolej komuniti. Beliau mewakili kolejnya dalam pertandingan rekaan fesyen pakaian wanita. Beliau menjuarai pertandingan rekaan fesyen pakaian tersebut.

Syabas, Aqila kerana menang dalam pertandingan rekaan fesyen pakaian baru-baru ini.

Kejayaan kamu harus dijadikan teladan, Aqila.

Terima kasih.

Terima kasih, Darren. Kejayaan yang dikecapi ini hasil usaha gigih saya. Ketekunan dan kesabaran juga amat penting dalam melaksanakan tugas yang diberikan.



Aktiviti

Bagaimanakah Aqila memenangi pertandingan rekaan fesyen pakaian tersebut?



1.1.3 Berbual atau berisyarat tentang sesuatu perkara yang didengar dan dilihat dengan jelas.



Membaca

Rahsia Kejayaan



TEMA
1

- Julie Ng: Selamat sejahtera, Aqila. Saya Julie Ng, wartawan Buletin Mayang Sari. Tahniah atas kejayaan saudara memenangi pertandingan rekaan fesyen pada minggu lalu.
- Aqila: Terima kasih, Julie Ng.
- Julie Ng: Apakah rahsia kejayaan saudara sehingga berjaya memenangi pertandingan tersebut?
- Aqila: Semuanya bergantung pada dua prinsip, iaitu disiplin dan usaha yang gigih. Kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap ketekunan dan menghargai masa dalam membuat tugas yang diberikan. Keluarga banyak mendorong saya dengan memberikan contoh-contoh rekaan fesyen terkini sebagai inspirasi.
- Julie Ng: Apakah perasaan saudara apabila memenangi anugerah tersebut?
- Aqila: Saya berasa bangga dan sangat gembira. Saya berkongsi kegembiraan ini bersama-sama keluarga, tenaga pengajar dan rakan-rakan saya.
- Julie Ng: Terima kasih saya ucapkan kerana saudara memberikan kerjasama dan berkongsi kejayaan saudara dengan kami.
- Aqila: Sama-sama.



Aktiviti

Jelaskan maksud dialog keempat dalam petikan di atas.





Menulis

Refleksi Diri

Unit Pembangunan dan Sahsiah Pelajar meminta semua tenaga pengajar mengisi borang pencalonan pelajar yang layak menerima anugerah penampilan terpuji.

INSTRUMEN PENILAIAN PENAMPILAN TERPUJI

Nama pelajar:

- Skala Penilaian:
- 1 lemah
 - 2 sederhana
 - 3 baik
 - 4 cemerlang

Bil.	Aspek Penilaian	Skor			
		1	2	3	4
1.	Menepati masa.				
2.	Sentiasa berfikiran positif.				
3.	Penampilan diri (kemas dan bersih).				
4.	Sikap tolong-menolong.				
5.	Amalan menghormati guru dan rakan-rakan.				
6.	Amalan memberi dan menjawab salam.				
Jumlah Markah		/24			



Aktiviti

Tulis refleksi diri anda berdasarkan instrumen di atas.



3.2.3 Membina pelbagai jenis ayat.



Penilaian 3

Nama: _____ Kelas: _____

Lengkapkan senarai semak sendiri dalam borang yang disediakan.
Tandakan (✓) atau (X) pada pernyataan yang disediakan.
Jawab secara jujur dan ikhlas.

TEMA
1

Bil.	Penyataan	Tandakan
1.	Saya gembira belajar di pusat latihan ini.	
2.	Saya mengikuti kursus kemahiran yang saya minati.	
3.	Minat dalam bidang yang saya ceburi semakin berkurangan.	
4.	Saya mematuhi peraturan di pusat latihan ini.	
5.	Saya gembira apabila pelajar lain tidak mendengar nasihat guru.	
6.	Saya menghormati ibu bapa, guru dan rakan.	
7.	Saya malu bertanya kepada guru tentang perkara yang tidak difahami.	
8.	Saya menghargai masa dan bertanggungjawab.	
9.	Saya tidak pasti boleh menamatkan bidang yang diikuti.	
10.	Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai impian.	



Jom Berkomunikasi

A. Lakonkan dialog di bawah.

Cikgu Chua mengajar muridnya tentang kepentingan disiplin diri.

Berikan sebab kamu perlu mendisiplinkan diri.

Kita boleh mengurus masa dengan baik, cikgu.

Membina keyakinan diri supaya dapat mencapai impian, cikgu.

TEMA
1

B. Berpandukan gambar, ceritakan cara-cara menyusun atur bilik tidur.

Cikgu Farah memberikan risalah pertandingan susun atur bilik kepada muridnya. Cikgu Farah meminta Syafina dan Najiha bersedia dalam pertandingan tersebut.

TEMA
1

PERTANDINGAN MENYUSUN ATUR BILIK


Syarat pertandingan:

- Dua orang peserta sahaja dalam satu kumpulan.
- Peserta dikehendaki menyediakan bilik yang menepati tema.
- Semua peralatan asas disediakan oleh penganjur.
- Peserta diberikan tempoh masa selama 45 minit.

Pemarkahan berdasarkan:

- i. kekemasan katil
- ii. perhiasan katil
- iii. kebersihan lantai
- iv. kebersihan bilik





TEMA 2

HUBUNGAN KEKELUARGAAN

- 1 Nyatakan aktiviti yang terdapat dalam gambar di atas.
- 2 Bagaimanakah anda mengisi masa lapang ketika bersama-sama keluarga?
- 3 Jelaskan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.


Taman Mini



Mendengar dan Bertutur

TEMA
2

Banyak aktiviti riadah yang boleh dilakukan bersama-sama keluarga pada hujung minggu. Oleh itu, Encik Ridwan ingin membina sebuah taman mini di halaman rumahnya. Beliau akan dibantu oleh isteri dan anak-anaknya, Arissa dan Ariana.



Encik Ridwan, isteri dan anak-anaknya membuat taman mini bersama-sama.



TEMA
2



Aktiviti

Ceritakan pengalaman anda beriadah bersama-sama keluarga.



1.2.2 Mendengar dan menyampaikan mesej atau idea dengan sebutan dan intonasi atau isyarat yang betul daripada pelbagai sumber.



Membaca

Kembara ke Taman Botani

Keluarga Arissa mengikuti program pengembaraan anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Taman Seroja yang diadakan di Taman Botani Shah Alam. Banyak aktiviti yang dilakukan oleh mereka di sana.

TEMA
2

Program Pengembaraan Taman Botani Negara

Shah Alam

PETA



ATUR CARA PROGRAM

- 7:00 pagi: Berkumpul di dataran
- 7:30 pagi: Senamrobik
- 8:00 pagi: Sarapan
- 8:30 pagi: Jelajah hutan
- 11:30 pagi: Aktiviti memamah
- 1:00 tengah hari: Rehat
- 2:30 petang: Aktiviti berbasikal
- 4:00 petang: Lawatan ke taman haiwan

Tarikh: 25 November 20

Masa: 7:00 pagi hingga 5:00 petang



Aktiviti

Nyatakan aktiviti yang dilakukan oleh keluarga Arissa semasa di sana.





Menulis

Berkelah di Pantai

TEMA
2



Pada minggu lalu, saya dan keluarga berkelah di pantai. Perjalanan ke pantai mengambil masa setengah jam. Apabila kami sampai di pantai, ibu _____ barang-barang perkelahan dan meletakkannya di atas tikar yang telah saya _____.

Semasa berada di pantai, pelbagai aktiviti telah kami lakukan. Kami membina _____ pasir, _____ kulit kerang, bermain layang-layang dan _____ bola di pantai.

Pemandangan _____ yang indah, udara yang _____ dan pasirnya yang memutih telah memberikan ketenangan kepada pengunjung. Kami berasa sangat _____. Perkelahan di pantai ini memang _____. Saya berharap kami dapat berkunjung ke sini lagi pada suatu hari kelak.



Aktiviti

Berdasarkan gambar, lengkapkan ayat dengan perkataan yang sesuai.



3.2.1 Menulis perkataan yang terdiri daripada golongan kata.



Penilaian 4

Perihalkan gambar di bawah.

Aktiviti yang dilakukan bersama-sama keluarga dapat mengeratkan hubungan dan menambahkan kemesraan.

TEMA
2





Mendengar dan Bertutur


Tahniah,
Mak Usu Nia!

Tahniah, mak usu kerana berjaya membuka butik pakaian pengantin.

Terima kasih, Arissa kerana sudi datang ke majlis pembukaan butik mak usu ini.

Usaha dan kejayaan mak usu akan saya contohi. Saya akan membantu mak usu untuk mengedarkan risalah.

Butik pakaian pengantin ini dibuka atas sokongan dan dorongan keluarga. Semoga impian Arissa tercapai suatu masa nanti.



Aktiviti

Bagaimanakah Arissa membantu Mak Usu Nia?



1.3.3 Menyalurkan maklumat dalam bentuk hebahan.



Impian Arissa

Kejayaan Mak Usu Nia telah memberikan dorongan dan semangat kepada Arissa. Arissa percaya suatu hari nanti impiannya untuk menjadi jurusolek akan tercapai. Bak kata pepatah, **rajin dan usaha tangga kejayaan**. Ibu bapa Arissa sentiasa memberikan sokongan kepadanya. Oleh itu, Arissa dan keluarganya bersama-sama mencari maklumat tentang bengkel dandan dan kecantikan melalui laman sesawang.

Serlahkan Kejelitaanmu

Tarikh: 22 Mac 20

Masa: 8:30 pagi – 5:00 petang

Tempat: Pusat Kecantikan Ekin

Bengkel Dandan dan Kecantikan

Bengkel

- Sesi penjagaan kulit wajah
- Sesi penjagaan tangan, mata dan bibir
- Sesi asas solekan
- Taklimat kerjaya

*Bawa dua orang anggota keluarga untuk
mendapatkan hadiah istimewa daripada kami.
Bayaran RM50.00 sahaja.*


**Cabutan
Bertuah**



Aktiviti

1. Siapakah yang membantu Arissa mendapatkan maklumat tentang bengkel dandan dan kecantikan?
2. Nyatakan isi-isi penting petikan.
3. Berikan maksud pepatah **rajin dan usaha tangga kejayaan**.





Menulis

Sokongan Keluarga

TEMA
2

Pertandingan solekan akan diadakan pada minggu hadapan. Arissa meminta **bantuan** Mak Usu Nia untuk membimbingnya. Arissa berkunjung ke rumah Mak Usu Nia untuk belajar bersolek. Arissa gembira kerana hasil solekannya semakin cantik. Selain itu, ibu dan kakak Ariana turut memberikan sokongan dan membantu Arissa membuat **latihan** di rumah. Ibu menyediakan jadual latihan praktikal agar Arissa dapat mengurus masa dengan sebaik-baiknya. Dorongan dan **bimbingan** daripada anggota keluarga memberikan motivasi kepada Arissa untuk **berlatih** dengan bersungguh-sungguh.



Aktiviti

1. Bina ayat berdasarkan perkataan berhuruf tebal.
2. Ramal kesudahan cerita dan masa hadapan watak dalam teks.



3.3.2 Membina pelbagai pola ayat.



Penilaian 5

Deklamasikan sajak di bawah. Berikan maksud sajak.

Keluarga Bahagia

Kasih kepada ibu, sayang kepada bapa
Hormat kepada guru membawa bahagia
Ibu dan bapa serta keluarga
Bimbinglah kami dengan penuh kasih sayang.

Masa tidak menunggu kita
Oleh itu, janganlah leka
Jangan menderhaka kepada orang tua
Amalan hidup kita.

Mereka yang rajin berusaha
Hidup bahagia dan sempurna
Taat kepada Tuhan hindar kejahatan
Keluarga bahagia.

Kasih kepada ibu, sayang kepada bapa
Hormat kepada guru membawa bahagia
Ibu dan bapa serta keluarga
Bimbinglah kami dengan penuh kasih sayang.

Nukilan,
Hani Karim



IMBAS SAYA



Mendengar dan Bertutur

Kirimkan Khobar

Encik Malik menerima panggilan telefon daripada adik bongsunya, Adam. Adam memberitahu bahawa ibu mereka tidak sihat.

TEMA 2

Apa khabar, abang?
 Khabar baik, Adam.
 Bilakah abang akan pulang ke kampung menziarahi ibu?
 Abang akan pulang ke kampung pada hari Sabtu ini.
 Ibu demam dan batuk.
 Sudah berapa lama ibu demam?
 Bagaimanakah keadaan ibu sekarang, Adam?
 Sudah tiga hari ibu demam. Mungkin kerana cuaca yang tidak menentu sekarang ini.



Aktiviti

Lakonkan dialog di atas.



1.2.3 Mengalurkan maklumat yang diterima dalam pelbagai bentuk.



Sejernih Kasih Ibu

Terdengar batuk yang agak kuat dari arah dapur. Ternyata batuk itu datangnya daripada ibu. Ibu **menjerang** air untuk membancuh minuman.

“Malik, Adam, mari kita sarapan bersama-sama.” Ibu dengan suara yang **lemah** memanggil kami.

Menu sarapan kami ialah air teh dan biskut. Aku berasa bersyukur kerana walaupun dalam keadaan yang susah, kami mampu juga mengisi perut kosong. Hidup kami **ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang**.

Tepat pukul 7:30 pagi, Cikgu Hairul masuk ke dalam kelas. Setelah memberi salam dan bertanya khabar murid-muridnya, Cikgu Hairul memulakan pelajaran.

“Hari ini kita akan berbincang tentang pengorbanan seorang ibu,” kata Cikgu Hairul dengan **nada yang lembut**.

“Malik, sekarang giliran kamu untuk berkongsi cerita tentang pengorbanan seorang ibu.” Aku bingkas bangun lalu **menuju** ke hadapan.

“Rakan-rakan, saya sangat bertuah mempunyai ibu yang penyayang. Beliau sangat prihatin terhadap pendidikan walaupun kami hidup dalam keadaan yang **daif**. Ibu mencuba sedaya upayanya untuk memenuhi keperluan kami. Ibu mampu menjadi seorang isteri dan ibu yang baik dalam satu masa. Saya bangga menjadi anaknya.” Jelasku **panjang lebar** kepada kawan-kawanku. Tanpa aku sedari air mataku mula **bergenang**.

Kring ... kring ...

Deringan telefon menghentikan lamunan Malik.



Aktiviti

1. Berikan maksud perkataan yang berhuruf tebal.
2. Berikan maksud ungkapan **ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang**.





Menulis

Mari menikmati buah anggur,
Di bawah tenda di seberang titi;
Ayah menasihati ibu menegur,

_____.

Daun selasih dan asam jawa,
Dalam raga di tepi guni;
Mencurah kasih sepenuh jiwa,

_____.

Buat bumbu daging salai,
Sambil leka mendengar hikayat;
Jasa ibu dan bapa tidak ternilai,

_____.

Pantun Kasih Sayang Ibu Bapa

Sayangi mereka sepanjang hayat.

Itulah tanda kasih sejati.

Sejahtera keluarga aman harmoni.

TEMA
2

Ibu bapa ialah insan yang sangat penting dalam kehidupan kita. Tanpa mereka, kita tidak akan berpeluang merasai nikmat kehidupan di dunia ini. Jasa dan bakti mereka yang telah _____ dan membesarkan kita amatlah bernilai. Terdapat banyak cara yang boleh kita lakukan sebagai tanda _____ mereka. Antaranya, termasuklah menunjukkan _____ serta ketaatan kepada mereka.

Nasihat dan teguran mereka bertujuan untuk memberikan _____ dan panduan. Jadilah seorang anak yang _____ dan tidak mengabaikan ibu bapa. Berbakti dan berbuat baik kepada ibu bapa _____ yang boleh. Tunjukkanlah _____ kepada mereka. Berikan _____ dan luangkan masa kepada ibu bapa agar mereka tidak kesunyian dan berasa tersisih.



Aktiviti

1. Lengkapkan pantun di atas.
2. Isi tempat kosong dengan perkataan atau frasa yang sesuai.



- 3.4.1 Menulis untuk melengkapkan ayat dan perenggan dengan menggunakan perkataan dan frasa yang sesuai.



Penilaian 6

Bina ayat berdasarkan perkataan dan rangkai kata di bawah.

1



• bersalam

2



• membongkokkan badan

3



• menolong ibu

4



• memimpin tangan



Jom Berkomunikasi

A. Lengkapkan perkataan berdasarkan gambar. Bincangkan.



TEMA
2

1.	m								
2.	m								
3.	m								
4.	m								
5.	m								
6.	m								

Permainan Menangga Kata

B. Pilih gambar dan perihalkan.

TEMA
2



Gambar A



Gambar B



Bagaimanakah kita dapat mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga?

Gambar manakah yang menjadi pilihan anda? Mengapa?



TEMA 3

MASA LAPANG

- 1 Bagaimanakah anda mengisi masa lapang?
- 2 Apakah aktiviti yang sesuai dilakukan pada masa lapang?
- 3 Mengapakah kita digalakkan mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah?

Mendengar dan Bertutur

Lokasi Perkhemahan



TEMA 3

Perkhemahan ialah satu aktiviti yang dilakukan untuk memenuhi masa lapang. Perkhemahan juga boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan serta rakan apabila dilakukan bersama-sama. Di negara kita, terdapat banyak tempat menarik yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti perkhemahan.



Sabah



Sarawak



Pulau Pinang



Negeri Sembilan



Melaka



Pahang



Kedah



Perak



Selangor



Terengganu

TEMA
3



Aktiviti

1. Cari maklumat tentang lokasi perkhemahan berdasarkan gambar di atas.
2. Kongsikan maklumat tersebut dengan rakan-rakan anda.



1.1.3 Berbual atau berisyarat tentang sesuatu perkara yang didengar dan dilihat dengan jelas.



Membaca

Taman Wetland Putrajaya

Keluarga Haikal merancang untuk mengadakan perkhemahan. Haikal mencadangkan tempat yang sesuai untuk aktiviti tersebut.

TEMA
3

Pengenalan

Taman Wetland Putrajaya ialah taman buatan manusia yang pertama di Malaysia. Keunikan alam semula jadi menjadikan taman ini lokasi yang sesuai untuk aktiviti riadah bersama-sama keluarga. Di sini, terdapat lebih daripada 70 spesies tumbuhan yang menjadi habitat haiwan akuatik, burung, ikan, serangga dan mamalia. Pengunjung berpeluang untuk menimba pengetahuan dan memahami alam flora dan fauna serta hubungan kaitnya dengan sistem ekologi.

Kemudahan yang Disediakan

1. Wakaf
2. Tapak perkhemahan
 - Surau
 - Bilik mandi
 - Tandas
 - Dewan makan
 - Tempat letak kereta
 - Tapak BBQ
 - Tempat memasak
3. Pusat penghayatan alam
 - Kedai cenderamata
 - Kafe
4. Menara pandang jauh

Aktiviti yang Boleh Dijalankan

- Berkhemah
- Memancing
- Menunggang basikal dan jogging
- Aktiviti eksplorasi di sekitar taman dan denai alam.
- Lawatan ke pusat penghayatan alam dan menara pandang jauh.

Syarat dan Peraturan


- Pengunjung hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.
- Keselamatan pengunjung dan harta benda tanggungjawab sendiri.



Aktiviti

1. Berikan pendapat anda tentang aktiviti yang disediakan di Taman Wetland Putrajaya.
2. Mengapakah Taman Wetland Putrajaya menjadi lokasi pilihan keluarga Haikal?





Menulis

Perkemahan Keluarga

Aktiviti perkhemahan bersama-sama keluarga dapat mengisi masa lapang dan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

1



memasang khemah

2



sungai jernih

TEMA
3

3




berbual-bual

4



ayam bakar

5



tidur nyenyak

6



tapak perkhemahan



Aktiviti

1. Tulis pengalaman anda mengikuti perkhemahan keluarga.
2. Bina ayat berdasarkan perkataan dan frasa berhuruf tebal.



3.2.1 Menulis perkataan yang terdiri daripada golongan kata.



Penilaian 7

Senaraikan **kata nama**, **kata kerja** dan **kata adjektif** yang terdapat dalam petikan.

TEMA
3

Sungai Chilling ialah destinasi yang sesuai untuk bersantai pada cuti hujung minggu. Sungai Chilling yang terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor juga dikenali dengan nama Santuari Ikan Sungai Chilling. Kawasan rekreasi ini dikawal selia oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Kawasan ini telah diwartakan sebagai taman alam semula jadi dan perlindungan ikan kelah.


Taman Rekreasi Sungai Chilling hanya dibuka pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Banyak pengunjung datang untuk berkhemah dan berkelah, di samping menikmati keindahan alam semula jadi. Mereka mendirikan khemah di kawasan yang disediakan dengan bayaran deposit sebanyak RM10.00 seorang.

Selain berkhemah, pengunjung juga boleh meredah hutan untuk ke kawasan air terjun utama Sungai Chilling. Pengunjung perlu melalui enam batang sungai dan meniti sebuah jambatan gantung untuk sampai ke destinasi.

Hilang penat lelah yang dirasakan apabila sampai ke destinasi yang dituju. Pemandangannya yang cantik memukau mata memandangi.

Air terjun yang dingin mengalir dari Bukit Fraser. Pengunjung berpeluang untuk menyaksikan spesies ikan kelah di situ. Mereka boleh bermandi-manda sambil memberikan makanan kepada ikan kelah.

Bagi mengekalkan dan menjamin kebersihan kawasan air terjun, para pengunjung perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara peraturan itu termasuklah mengurangkan penggunaan beg dan botol plastik. Bayaran deposit sebanyak RM3.00 dikenakan kepada pengunjung yang membawa barang tersebut.



Kraf Bunga Tekap



Mendengar dan Bertutur

Kraf bunga tekap ialah kraf daripada bunga hidup yang dikeringkan.



IMBAS SAYA

TEMA
3



1

Ambil bunga dan daun.



2

Asingkan kelopak bunga dan daun.



3

Keringkan bunga dan daun.



4

Susun dan tampal mengikut kreativiti.



5

Bunga disembur dengan varnis supaya lebih menarik.



6

Bunga tekap yang telah siap.



Aktiviti

Secara berkumpulan, bina soalan berfokus berpandukan gambar.



1.4.2 Mengemukakan soalan berfokus dalam perbincangan.



Tanglung

JASIN, 19 Oktober – Tanglung adalah antara kelengkapan dan hiasan utama bagi masyarakat Cina setiap kali menyambut Tahun Baharu Cina. Pada asalnya, tanglung berfungsi sebagai lampu yang diletakkan di dalam bekas untuk melindungi lilin daripada ditiup angin.

Tanglung menjadi dekorasi di pekarangan rumah, premis perniagaan, pusat beli-belah dan juga pejabat. Tanglung dipasang atau digantung semasa sambutan Tahun Baharu Cina untuk memeriahkan suasana. Amalan itu dipercayai mampu memberikan tuah atau kehidupan yang lebih baik kepada mereka.

Pada hari ke-15 bulan pertama Tahun Baharu Cina, masyarakat Cina mengadakan pesta tanglung. Pesta tanglung ini dipercayai berusia lebih 2000 tahun. Terdapat pelbagai legenda dan mitos tentang asal usul sambutan pesta tanglung ini.



Baru-baru ini, lebih 600 orang pengunjung memeriahkan sambutan Hari Muhibah Pesta Tanglung. Program anjuran Persatuan Buddhist Malaysia Cawangan Merlimau dan Jasin ini diadakan di Gelanggang Futsal Merlimau Pasir. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan keunikan budaya masyarakat majmuk kepada penduduk, di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan yang sedia terjalin. Selain itu, program ini dapat menyuburkan keharmonian dan perpaduan antara kaum.

Pesta tanglung ini turut dimeriahkan oleh masyarakat Melayu dan India, sekali gus menonjolkan keunikan sambutan pada malam berkenaan. Sebanyak 300 tanglung yang terdiri daripada pelbagai bentuk dan rupa dibawa oleh para peserta. Mereka berarak sejauh 500 meter dengan disertai oleh pemimpin masyarakat dan golongan belia.

Pengerusi majlis sambutan Hari Muhibah Pesta Tanglung, Encik Choo Chin Chye berkata, pesta tanglung ialah satu perayaan yang disambut oleh masyarakat Cina. Perayaan tersebut tiada kaitan dengan sebarang unsur keagamaan. Pesta ini membawa mesej yang unik, iaitu masyarakat Melayu, Cina dan India boleh hidup secara harmoni dan aman.

“Kita berasa sangat gembira kerana masyarakat pelbagai kaum bersama-sama berarak membawa tanglung dalam pesta itu,” katanya ketika ditemui.

(Sumber: Diubah suai daripada www.utusan.com.my)




Aktiviti

Senaraikan isi-isi penting berpandukan teks di atas.



2.2.1 Membaca untuk menyaring maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.



Menulis

Manfaatkan Masa Lapang

Bermula dengan hobi, kini hasil kraf tangan mampu menandakan pendapatan tinggi.

TEMA
3

Kraf Tangan Kulit Telur

Kraf tangan ini dihasilkan daripada kulit telur. Kraf tangan kulit telur ini sesuai diberikan kepada tetamu sebagai buah tangan dalam majlis perkahwinan, hadiah hari guru, hari lahir dan pelbagai sambutan.



1
Bekas lilin (RM5.00)



2
Bingkai gambar (RM10.00)



3
Kotak tisu (RM15.00)



4
Pasu bunga (RM20.00)



5
Bunga hiasan (RM25.00)

Tutorial percuma kraf tangan pasu mini daripada kulit telur.

Bahan-bahan yang diperlukan:

- Kulit telur yang telah dibersihkan
- Batu kerikil
- Pokok bunga tiruan
- Bekas telur
- Gam



TEMA
3

Cara-cara untuk membuat tempahan:

1. Tempahan boleh dibuat secara dalam talian. E-melkan nama, alamat, nombor telefon dan nombor kraf tangan pilihan kepada sitiqaseh@yahoo.com.
2. Sila tunggu pengesahan daripada pihak kami untuk memastikan stok masih ada.
3. Bayaran hendaklah dibuat setelah mendapat pengesahan.
4. Penghantaran tempahan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat sebelum pukul 4:00 petang.
5. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi 010-1234567 (Puan Siti Qaseh).



Aktiviti

Pilih salah satu produk kraf tangan. Hasilkan bahan grafik untuk mempromosikan produk tersebut.



- 3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik:
 - ii. bahan promosi



Penilaian 8

Bina soalan berdasarkan petikan di bawah.

TEMA
3

Puan Aisyah seorang suri rumah yang kreatif. Beliau mengisi masa lapang dengan menghasilkan bunga hiasan daripada beg plastik terpakai. Beliau tertarik dengan beg plastik kerana warnanya yang ceria. Selain itu, tekstur beg plastik yang lembut memudahkan Puan Aisyah membentuk bunga mengikut kreativiti.

Pada mulanya, Puan Aisyah membuat aktiviti tersebut sekadar untuk mengisi masa lapang. Beliau mempelajari cara membuat bunga plastik melalui Internet. Tetamu yang datang ke rumahnya tertarik dengan gubahan bunga plastik yang dihasilkan.

Puan Aisyah mula mengambil tempahan hasil kraf tangannya daripada jiran tetangga dan handai taulan. Beliau juga mempromosikan kraf tangan gubahannya melalui laman sosial. Kraf tangan yang dihasilkan oleh Puan Aisyah kini mampu menjanakan pendapatan sampingan. Selain gubahan bunga, beliau juga menerima tempahan bunga telur untuk majlis-majlis keraian seperti kenduri kahwin, khatam al-Quran dan lain-lain.






Mendengar dan Bertutur



Surat khabar



Jurnal



Buku akademik



Novel



Majalah



Komik



Internet



Ensiklopedia



Aktiviti

1. Pilih bahan bacaan yang anda minati.
2. Mengapakah anda memilih bahan bacaan tersebut?



1.1.2 Mendengar atau melihat dan memberi maklum balas terhadap maklumat yang diterima.

Anugerah NILAM

TEMA
3

KUALA LUMPUR – Kong Meng Fatt, 11 tahun telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah NILAM Kebangsaan 2018. Murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Batu ini, telah memenangi Kategori Kurang Upaya Penglihatan. Dia menerima anugerah berkenaan kerana pencapaian tertinggi dalam Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca).

Kong Meng Fatt mengalami masalah penglihatan akibat barah mata ketika berusia setahun. Beliau mendapat pendidikan formal di sekolah pendidikan khas yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti mesin Braille untuk membolehkannya membaca. Kong Meng Fatt menggunakan masa lapang dengan membaca. Dia meluangkan masa dengan membaca sekurang-kurangnya dua buah buku sehari sejak berusia lapan tahun.

Majlis anugerah tersebut telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Kong Meng Fatt menerima hadiah wang tunai sebanyak RM500.00, sebuah tablet, sijil dan cenderamata. Hadiah disampaikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

26 orang murid terpilih mewakili sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Antara kategori yang dipertandingkan, termasuklah Kategori Bahasa Melayu Sekolah Rendah, Kategori Bahasa Melayu Sekolah Menengah dan Kategori Pendidikan Khas.

(Diubah suai daripada www.harianmetro.com.my – 27 April 2018)



Aktiviti

1. Baca teks di atas dengan intonasi yang betul.
2. Apakah kebaikan membaca berdasarkan teks di atas?





Menulis

Budaya Membaca

Terdapat pelbagai cara untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid sekolah. Antaranya, termasuklah kempen membaca melalui slogan dan lirik lagu.



IMBAS SAYA

TEMA
3

Semaiakan di jiwa budaya membaca
Pasti bertambah ilmu yang ada
Bangsa dan usia bukan ukuran
Yang membezakan kebijaksanaan.

Bacalah, bacalah, mari membaca
Mudah dilakukan di mana berada
Bacalah dengan mata dan hati
Dunia luas kita terokai.

Beraneka jenis bahan bacaan
Yang bermanfaat pilihan utama
Orang berilmu dipandang mulia
Semaiakan budaya membaca.

Bacalah, bacalah, mari membaca
Jadikan membaca budaya kita. } Ulang (4 kali)

Jadikan membaca ... budaya kita

(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)



Aktiviti

1. Bina peta pemikiran tentang cara memupuk budaya membaca.
2. Bina slogan berkaitan budaya membaca. Hasilkan poster berdasarkan slogan tersebut.



3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik:
iii. slogan

MEMBACA JAMBATAN
ILMU



Penilaian 9

Bincangkan manfaat membaca.

1. Mengisi masa lapang



2. Menambahkan pengetahuan



3. Kecemerlangan akademik



4. Mendapat anugerah





Jom Berkomunikasi

A. Baca petikan di bawah. Ceritakan kraf tangan yang boleh dihasilkan daripada bahan terbuang bersama-sama rakan anda.

Azam bin Aziz seorang pemandu teksi. Beliau berasal dari Tawau, Sabah. Beliau memiliki kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan kraf tangan menarik daripada bahan terbuang. Bermula sebagai hobi, usaha itu kini memberikan pendapatan sampingan kepadanya. Beliau memperoleh pendapatan kira-kira RM600.00 sebulan hasil jualan kraf tangan daripada tin minuman.

Azam mula mendapat idea dengan menghasilkan kraf tangan untuk hadiah bersempena dengan sambutan hari guru di sekolah anaknya. Antara hasil kraf tangan yang dihasilkan, termasuklah bekas pen dan pensel. Kraf tersebut diperbuat daripada cakera padat (CD) dan batang paip. Hasil kreativitinya itu mendapat pujian daripada guru di sekolah anaknya. Mereka menempahnya untuk dijadikan cenderamata majlis rasmi sekolah.

Azam sentiasa berusaha untuk menghasilkan pelbagai kraf tangan yang unik dan kreatif. Beliau rajin bertanya kepada rakan rapat dan kenalannya untuk mendapatkan idea ciptaan terbaharu. Beliau juga membuat rujukan melalui Internet. Hasil usahanya yang gigih, akhirnya tercetus idea untuk menghasilkan replika motosikal menggunakan tin minuman. Hasil kraf tangan ini mendapat permintaan tinggi daripada pelbagai pihak untuk dijadikan cenderamata. Beliau turut menghasilkan pelbagai kraf tangan lain seperti hiasan bentuk rama-rama dan bunga-bunga.

Selain menghasilkan kraf tangan, Azam turut memiliki bakat melukis, terutama lukisan potret dan pemandangan. Beliau menggunakan waktu cuti dengan melukis dan menjual hasil lukisan dan kraf tangannya di sekitar negeri Sabah. Beliau juga mempromosikan kraf tangan yang dihasilkan secara dalam talian, terutama dalam laman sosial miliknya.



TEMA
3

B. Banyak aktiviti berfaedah yang dapat dilakukan untuk mengisi masa lapang. Setiap aktiviti mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Bincangkan dalam kumpulan.

TEMA
3

MENGISI MASA LAPANG

PERKHEMAHAN

- melatih disiplin diri
- membina keyakinan diri
- mengeratkan silaturahim
- meningkatkan kerjasama

MEMBACA

- meluaskan perbendaharaan kata
- menambah ilmu pengetahuan
- lulus peperiksaan

KRAF TANGAN

- menambah kenalan
- meningkatkan jati diri
- menjanakan pendapatan
- memperkembang bakat dan kreativiti



TEMA 4

INSAN ISTIMEWA

1. Apakah yang anda faham tentang Orang Kurang Upaya (OKU)?
2. Bagaimanakah masyarakat membantu OKU?
3. Apakah kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada OKU berdaftar?

Sukan
Paralimpik

Mendengar dan Bertutur

Sukan Paralimpik ialah temasya sukan yang melibatkan atlet Orang Kurang Upaya (OKU). Mereka mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukan yang dipertandingkan seperti olahraga, berbasikal, memanah, angkat berat dan renang.

TEMA
4

Muhammad Ziyad bin Zolkefli

- pingat emas lontar peluru T20
- Sukan Paralimpik Rio 2016



Abdul Latif bin Romly

- pingat emas lompat jauh T20
- Sukan Paralimpik Rio 2016



Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi

- pingat emas olahraga 100 meter T36
- Sukan Paralimpik Rio 2016



Hasihin bin Sanawi

- pingat perak memarah W1/W2
- Sukan Paralimpik London 2012



Siti Noor Radiah binti Ismail

- pingat gangsa lompat jauh T20
- Sukan Paralimpik Rio 2016



Siow Lee Chan

- pingat gangsa angkat berat 56 kg
- Sukan Paralimpik Beijing 2008

Info

T36: Cerebral Palsy (CP)

T20: Masalah pembelajaran

W1: Pengguna kerusi roda yang tidak dapat menggunakan kaki dan tangan dengan baik.

W2: Pengguna kerusi roda dengan fungsi lengan penuh.

(Sumber: <http://sumberpendidikan.com/2016/09/15/kategori-sukan-paralimpik/>)



Aktiviti

Ceritakan rahsia kejayaan atlet paralimpik dalam setiap acara yang disertai oleh mereka.



1.2.2 Mendengar dan menyampaikan mesej atau idea dengan sebutan dan intonasi atau isyarat yang betul daripada pelbagai sumber.



Pencapaian Atlet Sukan Paralimpik

TEMA 4

Sukan Paralimpik ialah kejohanan sukan yang diadakan selepas Sukan Olimpik. **Kontinjen negara** mula menyertai temasya Sukan Paralimpik sejak tahun 1984 di Seoul, Korea Selatan. Malaysia telah menghantar atlet paralimpik untuk bertanding pada setiap kali temasya sukan ini diadakan.

Masalah ketidakupayaan **atlet** paralimpik memberikan cabaran kepada jurulatih yang melatih mereka. Peribahasa Melayu mengatakan, **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**. Berkat kegigihan dan kesabaran, akhirnya mereka berjaya mencapai kejayaan. Pencapaian atlet Malaysia dalam Sukan Paralimpik yang disertai oleh mereka adalah seperti yang berikut:

Tahun	Pencapaian	Atlet	Acara
Beijing 2008	1 Gangsa	Siow Lee Chan	Angkat Berat Wanita 56 kg
London 2012	1 Perak 1 Gangsa	Hasihin bin Sanawi Muhammad Ziyad bin Zolkefli	Memamah W1/W2 Lontar Peluru T20
Rio, Brazil 2016	3 Emas	Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi	Olahraga 100m T36
		Muhammad Ziyad bin Zolkefli	Lontar Peluru T20
	1 Gangsa	Abdul Latif bin Romly Siti Noor Radiah binti Ismail	Lompat Jauh T20 Lompat Jauh T20


(Sumber: www.nsc.gov.my/kejohanan/sukan-paralimpik)



Aktiviti

- Berikan maksud perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan yang berhuruf tebal.
- Nyatakan pencapaian terbaik Sukan Paralimpik berdasarkan petikan di atas.





Menulis

Sejarah Tercipta

Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi telah mencipta sejarah selaku atlet Malaysia pertama dinobatkan sebagai Atlet Para (Lelaki) Terbaik Asia 2018. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Mohamad Ridzuan melalui laman sosial.

TEMA
4



Dr. Mahathir Mohamad

@chedetofficial

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada atlet paralimpik negara, Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi atas pencapaian terbaik beliau. Ini kejayaan besar yang pasti membanggakan negara.

Malaysia Boleh! 🇲🇾

#kamiliuarbiasa

@ridzuanpuzi

Asian
Paralympic
Committee



Aktiviti

Hasilkan sekeping kad ucapan bagi menghargai kejayaan Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi.



3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik:
i. kad ucapan



Penilaian 10

Berikan maksud perkataan dan rangkai kata berhuruf tebal.

Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi ialah atlet negara pertama yang **dinobatkan** sebagai Atlet Para (Lelaki) Terbaik Asia 2018. Anugerah yang diterima oleh Mohamad Ridzuan berdasarkan pencapaian cemerlangnya dalam Sukan Para Asia 2018 di Jakarta. Beliau **mencipta sejarah** dengan mencipta **rekod dunia** dalam acara 100 meter lelaki T36 (cerebral palsy). Mohamad Ridzuan juga berjaya memecahkan rekod Sukan Asia bagi acara lompat jauh. Pingat emas ketiga **diraih** melalui acara olahraga 400 meter.

TEMA
4



Hari OKU Sedunia



Mendengar dan Bertutur

Hari OKU Sedunia disambut pada setiap 3 Disember. Hari OKU diraikan bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang hak OKU sebagai anggota masyarakat. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan kemudahan OKU.



Aktiviti

1. Kongsi maklumat yang diperoleh bersama-sama rakan.
2. Hasilkan risalah berdasarkan maklumat di atas.



I.3.3 Menyalurkan maklumat dalam bentuk hebahan.



Elaun Pekerja OKU

TEMA
4

TUJUAN

1. Sebagai penyelenggaraan pendapatan untuk memenuhi keperluan asas kehidupan OKU.
2. Sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi anggota masyarakat yang produktif.
3. Untuk meningkatkan taraf hidup OKU dalam masyarakat.

KRITERIA KELAYAKAN KHUSUS

1. Warganegara, bermastautin dan bekerja di Malaysia;
2. Berumur 16 tahun dan ke atas;
3. Pemegang kad OKU JKM;
4. Pendapatan bulanan RM1200.00 dan ke bawah;

ATAU
Mana-mana kes yang berkeperluan,
layak dipertimbangkan dengan
kelulusan KPKM.

KADAR
RM400.00
sebulan

(Sumber: www.jkm.gov.my)



Aktiviti

Sampaikan maklumat di atas kepada jiran anda yang tidak mendapat elaun pekerja OKU walaupun memenuhi kriteria yang ditetapkan.





Menulis

JKM mengedarkan risalah yang berkaitan dengan bantuan untuk OKU.

TEMA
4

Bantuan untuk OKU

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bayaran
1.	Elaun bulanan bagi OKU tidak bekerja.	RM250.00 sebulan
2.	Bantuan penjagaan OKU terlantar/ pesakit kronik.	RM350.00 sebulan
3.	Geran pelancaran (GP).	RM2700.00 sekali gus
4.	Bantuan alat tiruan dan alatan sokongan.	Mengikut harga semasa alatan
5.	Bantuan tongkat putih (white cane) dan mesin Braille.	Mengikut harga semasa alatan



IMBAS SAYA



Aktiviti

Lengkapkan maklumat dalam Borang Permohonan Bantuan Kewangan JKM.



3.1.1 Menulis maklumat dalam pelbagai media:
i. media cetak



Penilaian II

Bincangkan perkhidmatan agensi yang berikut terhadap golongan OKU.

Jabatan Kebajikan Masyarakat

- Khidmat nasihat dan kaunseling.
- Elaun pekerja OKU.
- Bantuan alatan tiruan/sokongan.
- Bantuan kewangan.

Kemudahan Pengangkutan Awam

- Diskaun tambang bas ekspres.
- Diskaun tambang Keretapi Tanah Melayu.
- Diskaun tambang Sistem Transit Aliran Ringan (LRT).
- Diskaun tambang Perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS).


Telekom Malaysia (TM)

- Bayaran sewa bulanan dikecualikan.
- Panggilan menunggu secara percuma.
- Panggilan operator 103 tidak dicaj.



Mendengar dan Bertutur

Kekurangan diri bukan penghalang bagi insan istimewa untuk berjaya dalam kehidupan. Mereka telah membuktikan bahawa mereka juga boleh berjaya dalam pelbagai bidang yang diceburi.



Aktiviti

Dapatkan maklumat tentang tokoh OKU. Kemudian, sampaikan maklumat tersebut kepada rakan anda.



1.2.1 Mendengar dan menyatakan maklumat dengan sebutan atau isyarat yang betul dan tepat daripada pelbagai sumber.



Mekanik OKU Penglihatan

TEMA
4

Azhar bin Ibrahim ialah mekanik motosikal OKU penglihatan. Walaupun cacat penglihatan, anak muda ini mempunyai bengkel memperbaiki motosikal. Bengkel Azhar terletak di Batu 6, Jalan Tanjung Tualang, Batu Gajah, Perak.

Pada awalnya, Azhar mahu menjadikan kebolehan mengurus sebagai punca pendapatan. Walau bagaimanapun, hasrat itu tidak kesampaian kerana beliau tidak mendapat bantuan kewangan. Azhar tidak pernah berputus asa. Beliau membuat keputusan untuk mempelajari kemahiran memperbaiki motosikal.

Meskipun kekurangan pada penglihatan, namun Azhar menggunakan kelebihan pancaindera lain untuk mencari peluang meningkatkan taraf hidup. Menurut Azhar, tangannya digunakan untuk melihat. Apabila beliau menyentuh bahagian motosikal, beliau dapat membezakan skru, kotak silinder dan bahagian-bahagian lain. Beliau dapat mengesan kerosakan sesebuah motosikal hanya dengan mendengar bunyi enjin.

Azhar tidak mempunyai pendidikan formal dalam bidang automotif. Sebaliknya, ilmu memperbaiki motosikal dipelajari daripada seorang rakan yang bekerja sebagai mekanik. Beliau mengimbas kembali pengalaman yang lalu. Ketika itu, beliau diminta membuka komponen motosikal yang rosak. Kemudian, dengan bantuan rakannya, beliau mencantumkan semula komponen tersebut. Dalam tempoh sebulan, dua buah motosikal berjaya dibaiki.


Kejayaan Azhar dalam bidang yang diceburinya telah membuka mata banyak pihak untuk menghulurkan bantuan. Beliau mendapat sumbangan sebanyak RM5000.00 daripada kerajaan negeri. Beliau juga menerima geran kewangan sebanyak RM11000.00 di bawah Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU). Bantuan yang diterima membolehkannya menaik taraf bengkel dan membeli lebih banyak peralatan untuk bengkel motosikalnya.




Aktiviti



IMBAS SAYA

1. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Azhar untuk berjaya dalam bidang yang diceburinya?
2. Bagaimanakah beliau mengatasi masalah tersebut? 





Menulis



Pengajar Bahasa Isyarat

TEMA
4

Mohd Armi bin Rusli ialah OKU pendengaran. Beliau mengalami masalah kurang pendengaran pada kedua-dua belah telinganya. Walau bagaimanapun, beliau boleh mendengar dengan bantuan alat pendengaran yang dipakai pada telinga kanannya.

Mohd Armi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Organisasi) daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Selepas tamat belajar, beliau bekerja sebagai pengajar bahasa isyarat dengan Persatuan Orang Pekak Malaysia (MFD).

Pada tahun 2013, beliau mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai tenaga pengajar di MFD. Beliau mengadakan kursus bahasa isyarat secara persendirian. Beliau mengajar bahasa isyarat secara percuma.



Aktiviti

Tulis pendapat anda tentang Mohd Armi bin Rusli.



3.2.3 Membina pelbagai ayat.



Penilaian 12

Ceritakan keistimewaan individu dalam gambar.

TEMA
4

1



Muhammad Qayyim Nizar
bin Sarimi
• Qari

2



Mohd Ariff bin Abdullah
• Mekanik
kenderaan OKU

3



Nadzry bin Hamzah
• Pemain bola keranjang

4



Amril bin Nurman
• Guru bahasa isyarat

5



Aliah binti Talib
• Pelukis

6



Dato' Mah Hassan bin Omar
• Peguam



Jom Berkomunikasi

A. Bincangkan cara untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai supaya tidak menyalahgunakan kemudahan untuk OKU.



Tempat letak kenderaan OKU.



Ruang khas OKU dalam kenderaan awam.



Tandas OKU.





Kaunter OKU.

TEMA
4

B. Berikan pendapat anda tentang kemudahan awam untuk OKU.

TEMA
4





TEMA 5

HIDUP BERMASYARAKAT

- 1 Lihat gambar dan ceritakan.
- 2 Bagaimanakah anda memupuk semangat kekitaan?
- 3 Jelaskan aktiviti yang boleh mengeratkan perpaduan.



Mendengar dan Bertutur

Pertandingan Kampung Terbaik

TEMA
5

Kampung Apas telah memenangi Pertandingan Kampung Terbaik. Kemenangan ini menepati ciri-ciri Amalan 5S.



IMBAS SAYA

Penduduk Kampung Apas sentiasa mengamalkan Amalan 5S, terutamanya dari aspek kebersihan dan keceriaan. Penduduk Kampung Apas hidup bekerjasama dan bertoleransi tanpa mengira kaum dan agama. Mereka hidup bersatu padu bagaikan aur dengan tebing.

TEMA
5

Kampung Apas



Aktiviti

Bincangkan Amalan 5S yang diamalkan di dalam kelas anda.



1.4.1 Berbincang dengan menggunakan kosa kata, ungkapan dan ayat yang sesuai.



Kemajuan Kampung Apas

TEMA
5

Kampung Apas telah berkembang maju dari segi infrastruktur dan pengurusan kampung. Amalan 5S yang diamalkan di Kampung Apas menjadikannya sebuah kampung yang bersih dan indah. Anggota masyarakat juga banyak menyumbangkan idea, tenaga dan masa bagi memajukan kampung tersebut. Antara sumbangan yang telah dilaksanakan, termasuklah:

Klinik kesihatan



Balai raya



Jalan berturap




Kemudahan sekolah



Aktiviti

Huraikan kemudahan asas yang terdapat di Kampung Apas.





Menulis

Sekolah Ceria

TEMA 5

Program Gotong-royong Perdana telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibah Jaya. Gotong-royong ini melibatkan warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat yang turut sama membantu demi keceriaan sekolah.

Sebelum




Fail berselerak



Lorong kotor dan berdebu



Fail tidak dilabel



Cap sekolah tidak tersusun

Semasa




Selepas



Fail kemas dan tersusun



Lorong bersih dan kemas



Fail telah dilabel



Cap telah disusun dan diletakkan nombor



Aktiviti

Bina pelbagai pola ayat berdasarkan gambar.



3.3.2 Membina pelbagai pola ayat.



Penilaian 13

Perihalkan gambar. Bincangkan bersama-sama rakan anda.

1




2



3



4



5



6



TEMA
5



Mendengar dan Bertutur

Kelab Sukarelawan Remaja

TEMA
5

Persatuan Penduduk Taman Muhibah Jaya menubuhkan Kelab Sukarelawan Remaja. Kelab itu bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat.



Mesyuarat penubuhan Kelab Sukarelawan Remaja



Aktiviti Kelab Sukarelawan Remaja

Jom sertai ...

Keanggotaan dibuka kepada semua lelaki dan perempuan berumur 13 hingga 25 tahun.

Daftarlh segera sekiranya anda:

- Berminat.
- Ikhlas menjalankan tugas.
- Bersemangat waja dan kental.
- Berdisiplin dan menepati masa.
- Sentiasa bersedia menghulurkan bantuan.



Aktiviti

Bincangkan aktiviti sukarelawan di tempat anda.



1.4.3 Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.



Aktiviti Sukarelawan Remaja

Persatuan Penduduk Taman Muhibah Jaya telah mengadakan perjumpaan bulanan pada minggu lalu. Persatuan telah berjaya membina sebuah gelanggang serba guna.

Encik Kamarudin bin Mustafa selaku Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Muhibah Jaya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyumbangkan dana untuk membina gelanggang tersebut. Menurut beliau, bantuan yang diberikan oleh para dermawan telah memberikan manfaat kepada penduduk taman. Beliau berasa bangga apabila penduduk taman berkumpul dan bergotong-royong menjayakan aktiviti tersebut. Situasi ini menunjukkan sikap penduduk yang proaktif dan tidak antisosial.



Encik Kamarudin memaklumkan bahawa banyak lagi aktiviti akan dijalankan pada masa akan datang. Oleh itu, beliau menyeru penduduk supaya bersedia menghulurkan bantuan demi kesejahteraan semua pihak.



Aktiviti

1. Siapakah yang terlibat dalam membina gelanggang serba guna yang terdapat di Taman Muhibah Jaya?
2. Apakah harapan pengerusi kepada penduduk Taman Muhibah Jaya?



2.1.1 Membaca secara mekanis atau berisyarat.



Menulis

Persatuan Penduduk Taman Muhibah Jaya memberikan iltizam dalam menjayakan aktiviti yang dirancang.

TEMA 5



- Aktiviti gotong-royong
 - mengecat balai raya
 - membersihkan dan mencantikkan tempat tinggal



- Kelas tuisyen percuma
 - meningkatkan prestasi anak-anak Taman Muhibah Jaya
 - mengurangkan gejala sosial



- Membina pusat jagaan haiwan
 - melindungi haiwan terbiar
 - memupuk kesedaran menyayangi haiwan terbiar

Catatanku

14 Mac 20□□

Penduduk Taman Muhibah Jaya **turun padang** bergotong-royong membersihkan kawasan taman perumahan.

20 Mei 20□□

Encik Kamarudin bin Mustafa, Pengerusi Taman Muhibah Jaya amat **berbesar hati** melawat ke pusat tuisyen yang diusahakan secara percuma.

6 Julai 20□□

Kelab Sukarelawan Remaja **berganding bahu** melindungi kucing-kucing terbiar di taman tersebut.

TEMA
5



Aktiviti

Bina ayat berdasarkan gambar dan frasa yang berhuruf tebal.



3.3.2 Membina pelbagai pola ayat.




Penilaian 14

Perihalkan gambar.

Keluarga Farid dan Syazwani telah menyertai Program Kembara Khidmat Bantu. Program itu bertujuan untuk menyemarakkan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat. Mereka telah menjalankan aktiviti khidmat bantu di kediaman seorang warga emas.

TEMA
5



Adat Resam Pelbagai Kaum



Mendengar dan Bertutur

Farid dan kawan-kawannya bercerita tentang adat resam kaum di Malaysia.

Negara kita sangat unik kerana terdapat banyak adat resam.

Betul, adat resam diwarisi sejak turun-temurun.

Yang penting, semua pihak mestilah menghormati adat resam kaum lain.

Ya, semua kaum bebas mengamalkan adat resam masing-masing.

TEMA
5



Aktiviti

1. Nyatakan adat resam kaum yang terdapat di Malaysia.
2. Bagaimanakah kita boleh menunjukkan perasaan hormat akan adat resam kaum-kaum lain?
3. Mengapakah negara kita dikatakan sebagai negara yang unik?



1.1.3 Berbual atau berisyarat tentang sesuatu perkara yang didengar dan dilihat dengan jelas.



Encik Kumang ialah tokoh korporat. Isterinya, Puan Jenni tukang jahit. Mereka mempunyai empat orang anak. Pada tahun 1997, Encik Kumang sekeluarga berpindah dari Bintulu ke Kuching, Sarawak. Di Kuching, keluarga Encik Kumang tinggal berjiran dengan Puan Yefta.

Puan Yefta tidak mempunyai anak. Beliau selalu membantu Puan Jenni menjaga anak bongsunya, Anne.



Tidak lama selepas itu, Encik Kumang berpindah ke Australia. Encik Kumang telah meninggalkan Anne dengan Puan Yefta. Encik Kumang berjanji akan mengambil anaknya apabila beliau pulang ke Malaysia. Puan Yefta telah membawa Anne berhijrah ke Sabah. Kedua-dua keluarga ini masih berhubung walaupun tinggal berjauhan.


Apabila Encik Kumang pulang ke Malaysia, beliau mencari Puan Yefta. Pada tahun 2019, kedua-dua keluarga ini akhirnya bertemu. Anne masih menuntut di pusat pengajian tinggi. Hubungan kekeluargaan ini semakin bertambah erat.



Aktiviti

1. Mengapakah Encik Kumang meninggalkan anaknya kepada Puan Yefta?
2. Apakah bentuk permuafakatan yang wujud antara keluarga Puan Yefta dengan Encik Kumang?





Menulis

Kepelebagaian Masyarakat

Kajian latar belakang murid-murid dalam Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibah Jaya telah dilaksanakan.

TEMA
5

Nama/ Latar Belakang	Hairel	Ai Ling	Mageswari	Vince	Jamad
Keturunan	Melayu	Cina	India	Iban	Bajau
Bahasa pertuturan di rumah	Melayu	Hokkien	Tamil	Iban	Bajau
Bahasa lain yang dituturkan	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris
Agama	Islam	Buddha	Hindu	Kristian	Islam
Makanan tradisi	Nasi lemak	Kuih bulan, Dim sum, Tang yuan	Capati	Manuk Pansuh	Ambuyat
Perayaan	Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha	Tahun Baharu Cina	Deepavali	Hari Gawai	Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha



Aktiviti

1. Bina ayat berdasarkan maklumat yang terdapat dalam jadual.
2. Senaraikan persamaan dan perbezaan latar belakang yang terdapat antara kelima-lima orang murid.



3.2.2 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.



Penilaian 15

Berdasarkan pernyataan di bawah, tulis kebaikan hidup bermasyarakat.

TEMA
5

identiti
Malaysia melalui
budaya bangsa

hidup harmoni



yang tua
dihormati, yang
muda disayangi


mengeratkan
perpaduan
pelbagai kaum



Jom Berkomunikasi

A. Secara berkumpulan, bincangkan kebaikan hidup bermuafakat.

TEMA
5



B. Berdasarkan gambar, bincangkan aktiviti yang dapat memupuk semangat perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

1



2





TEMA 6

EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN

- 1) Apakah ciri-ciri pekerja cemerlang?
- 2) Bagaimanakah anda mencapai cita-cita?
- 3) Siapakah tokoh usahawan yang menjadi idola anda?



Mendengar dan Bertutur

TEMA
6

Sekolah Menengah Kebangsaan Usaha Murni akan mengadakan karnival keusahawanan muda. Pihak penganjur bercadang untuk mengundang seorang tokoh usahawan. Azami selaku penyelar program diminta mencari tokoh yang sesuai untuk menyampaikan ceramah motivasi.

Profil Usahawan Muda

Nama: Shaharudin bin Mustafa
 Umur: 45 tahun
 Asal: Ipoh, Perak
 Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Seni Kulinari, Universiti Teknologi Mara.
 Jawatan: Ketua Cef dan Pemilik Kafe
 Pengalaman: Tukang masak (Cef Junior)
 Alamat: No. 69, Jalan Kasturi, Taman Kasturi, 48300 Rawang, Selangor.
 No. telefon: 011-12345678
 Pencapaian: 1. Anugerah Usahawan Muda
 2. Tokoh Belia Jaya



Aktiviti

Bincangkan maklumat tentang usahawan berjaya berpandukan biodata di atas.





Membaca

Usahawan Tani

TEMA
6

Muhammad Zikri bin Zainol berasal dari Kampung Parit Tengah, Teluk Intan, Perak. Beliau menceburi bidang pertanian dengan azam dan tekad untuk menjadi **usahawan** yang berjaya. Baru-baru ini, impiannya terlaksana apabila beliau memenangi Anugerah Usahawan Tani Muda Negeri Perak.

Suatu masa dahulu, Muhammad Zikri pernah bekerja dalam **sektor perkilangan**. Walau bagaimanapun, pekerjaan tersebut tidak sesuai dengan jiwanya. Beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Bermula pada tahun 2010, beliau menceburi bidang pertanian sepenuh masa dengan mengusahakan tanah keluarga.

Bermodalkan wang RM1000.00, Muhammad Zikri memulakan kerja membersihkan tanah dan membeli peralatan pertanian. Beliau **mengorak langkah** mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan. Berkat kesungguhan dan **keazaman** yang tinggi, beliau berjaya memenuhi setiap ruang tanah pertaniannya dengan pelbagai jenis tanaman.

Muhammad Zikri kini mampu tersenyum lebar apabila tanaman cili api, terung, halia, serai, lengkuas dan kunyit memberikan **pulangan lumayan**. Begitu juga dengan **sayuran hijau** seperti kangkung, sawi dan bayam. Beliau turut mengusahakan tanah terbiar di kampungnya dengan tanaman pisang dan jagung. Semua hasil pertanian yang diusahakan mampu **menjanakan pendapatan** antara RM5500.00 hingga RM6500.00 sebulan.

Muhammad Zikri bersyukur kerana hasil titik peluh **berbakti pada tanah**, dapatlah beliau menyara keluarga. Kejayaannya jelas membuktikan kegigihan, kecekalan dan keberanian untuk menceburi sektor pertanian mampu meningkatkan **taraf hidup**. Beliau menyahut seruan kerajaan agar menjadikan bidang pertanian sebagai perniagaan.



Aktiviti

Berikan maksud perkataan, rangkai kata dan ungkapan berhuruf tebal.




2.1.2 Membaca untuk memahami maksud perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat.



Menulis

Sumber Inspirasi

TEMA
6



Ketidaksempurnaan fizikal bukanlah penghalang seseorang untuk menjadi insan yang hebat dan membanggakan keluarga. Mohd Sukur bin Ibrahim membuktikan beliau ialah insan istimewa yang berjaya. Beliau mempunyai jiwa yang kental dan semangat yang tidak pernah luntur untuk menjadi seorang insan yang cemerlang dalam kerjaya.

Fakta tentang Mohd Sukur

- Lahir pada tahun 1984 di Muar, Johor.
- Anak keempat daripada enam orang adik-beradik.
- Bapanya seorang pesara tentera.
- Ibunya suri rumah.

Pendidikan

- Mohd Sukur mendapat pendidikan awal di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).
- Bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara, Melaka.
- Bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka.
- Melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi Melaka.
- Pemegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pekerjaan

- Selepas tamat belajar, Mohd Sukur bekerja sendiri dengan menceburi bidang jualan langsung.
- Beliau juga pernah menjadi pengusaha kedai dobi.
- Pada tahun 2010, beliau menubuhkan syarikat yang menyediakan perkhidmatan membekal dan memasang permaidani.
- Penceramah motivasi.
- Penulis buku motivasi.

Pencapaian

- Pemenang Anugerah OKU Cemerlang Kebangsaan (Keusahawanan) pada tahun 2014.
- Tokoh Maal Hijrah Negeri Melaka tahun 2017.

Hasil Karya



TEMA 6



Aktiviti

Tulis satu perenggan karangan berkenaan dengan pengalaman kerja Mohd Sukur.



3.4.2 Menulis ayat dalam bentuk perenggan.



Penilaian 16



Tulis cerita tentang seorang usahawan kambing yang berjaya.
Kejayaannya bermula dengan penternakan sepasang anak kambing.

TEMA
6





Mendengar dan Bertutur

Pekerja Beretika

TEMA
6

Prema, kakak Tanusha, bekerja sebagai pegawai bank di Petaling Jaya. Beliau sangat rajin bekerja untuk menyara keluarga selepas kematian bapa mereka. Beliau seorang pekerja yang berdedikasi dan sentiasa mengamalkan budaya kerja cemerlang. Prema telah menerima Anugerah Pekerja Beretika daripada majikannya.

Etika kerja cemerlang:

- Menepati masa
- Berintegriti
- Kecerdasan
- Keupayaan memimpin
- Mudah mesra
- Cekap
- Berani mengambil risiko
- Bermotivasi



Aktiviti

Mengapakah Prema menerima Anugerah Pekerja Beretika?



I.1.1 Mendengar/melihat, mengenal sebutan serta menyatakan semula perkataan dan rangkaian kata dalam pelbagai ujaran harian.

Budaya Kerja Cemerlang

TEMA
6

Terang cahaya gilang-gemilang,
Suasana senja sungguh memikat;
Amalkan budaya kerja cemerlang,
Kualiti kerja dapat dipertingkat.

Pasang pelita di tepi pintu,
Waktu senja gelapah sudah;
Jikalau kita saling membantu,
Semua kerja menjadi mudah.

Pisang raja dibuat pengat,
Dicampur durian menambah perisa;
Rajin bekerja penuh semangat,
Pasti kejayaan dapat dirasa.

Tingginya helang terbang menjulang,
Terbang bersama perlu gandingan;
Kerjanya cemerlang lagi terbilang,
Masyhur nama tiada tandingan.


Hati terpikat si gadis sunti,
Pergi ke pekan berbaju kebaya;
Ikatan muafakat bersatu hati,
Kerja berpasukan jadikan budaya.



Aktiviti

1. Baca pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Jelaskan maksud pantun di atas.







Menulis

Amalan Profesional

Ibu Danish seorang doktor gigi. Beliau memiliki sebuah klinik pergigian di Kuala Lumpur.

TEMA
6



Aktiviti

Bina ayat berdasarkan gambar.



3.2.3 Membina pelbagai ayat.



Penilaian 17

Jalil bekerja sebagai pembantu tukang masak di sebuah restoran. Jalilah pula bekerja sebagai pembantu restoran. Gaji yang diterima itu digunakan untuk membantu adik mereka, Jamal, bagi melanjutkan pelajaran di kolej kemahiran vokasional. Mereka bersyukur kerana dapat membantu dan meringankan beban keluarga. Oleh sebab itu, mereka akan bekerja dengan bersungguh-sungguh dan menepati waktu bekerja. Bincangkan sikap Jalil dan Jalilah sebagai pekerja dan anak yang baik.

TEMA
6





Mendengar dan Bertutur

Peluang Pekerjaan

Kakak Arissa sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dia bercadang untuk mencari pekerjaan sebagai persediaan bagi menyambung pelajaran ke universiti. Dia telah memohon jawatan kosong yang diiklankan dalam akhbar.

TEMA
6DOBI
SERI WANGI

TAWARAN GAJI:

- Gaji asas RM1000.00
- Elaun kerja lebih masa RM5/jam
- Komisen melipat baju RM2/kg

SKOP KERJA:

- Memastikan kedai dalam keadaan bersih dan kemas
- Membersihkan mesin basuh dan mesin pengering
- Menyediakan servis melipat baju untuk pelanggan
- Mengisi semula sabun dan pelembut pakaian
- Tugas-tugas lain yang diarahkan

Sertai
Peluang Pekerjaan

Pembantu Kedai Dobi

SYARAT KELAYAKAN:

- Berumur 18 tahun dan ke atas
- Berakhlak mulia (jujur, amanah, rajin dan sopan)
- Pembersih dan berperwatakan kemas
- Tahu membaca, menulis dan mengira

FAEDAH LAIN:

- Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Kebajikan dan Keselamatan Pekerja (PERKESO)
- Baju seragam percuma
- Insentif kedatangan penuh
- Kerja 5 hari seminggu
- Jamuan tahunan dan hari keluarga
- Pengangkutan disediakan

Sila hubungi: Puan Ain Rahman melalui talian 013-12345678
E-mel: dobiseriwangi@gmail.com



Aktiviti

Anda berminat untuk memohon jawatan di atas. Nyatakan sebab anda tertarik untuk memohon pekerjaan tersebut.



1.2.3 Menyalurkan maklumat yang diterima dalam pelbagai bentuk.



Membaca

Kerjaya Pilihan

Terdapat banyak peluang pekerjaan yang boleh diceburi, sama ada bekerja sendiri atau makan gaji. Kedua-dua jenis pekerjaan ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

TEMA 6

Bekerja sendiri

- Waktu bekerja yang lebih fleksibel.
- Autoriti untuk membuat keputusan.
- Perancangan kewangan sendiri.
- Lokasi kerja yang fleksibel.
- Pulangan keuntungan yang lumayan.

Bekerja makan gaji

- Pendapatan tetap dan terjamin.
- Imbuhan tahunan atau pencen.
- Kemudahan rawatan percuma dan cuti bergaji.
- Kemudahan membuat pinjaman.
- Pembangunan diri.



Info

Bekerja sendiri ialah usaha melakukan sesuatu kerja tanpa majikan.


Makan gaji ialah upah sesuatu pekerjaan bermajikan yang dibayar secara tetap.



Aktiviti

1. Senaraikan jenis pekerjaan bekerja sendiri dan makan gaji.
2. Apakah pilihan anda, bekerja sendiri atau makan gaji?





Menulis

Borang Permohonan Kerja

Isabella memohon pekerjaan sebagai pendandan rambut. Dia telah menghantar resume ke sebuah salon kecantikan. Isabella diminta untuk menghadiri temu duga. Pengurus salon meminta Isabella mengisi borang permohonan kerja.

RESUME

Nama: Isabella binti Jauhar
 Umur: 20 tahun
 Alamat: Lot 69, Kampung Pulau Gaya, 88800 Kota Kinabalu, Sabah.
 No. telefon: 011-12345678
 E-mel: isabella99@gmail.com
 Kelebihan diri: Mempunyai semangat kerja berkumpulan yang tinggi, cepat melaksanakan tugas, boleh memahami arahan.



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

2017-2018: Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (Seni Reka Gaya Rambut) GIATMARA Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.
 2012-2016: Sekolah Menengah Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah Tamat Tingkatan 5.
 2005-2011: Sekolah Kebangsaan Seri Gaya, Kota Kinabalu, Sabah Tamat sekolah rendah.

PENGALAMAN KERJA

Jun – Disember 2017
 2018: Latihan Industri di Salon Rambut KK, Kota Kinabalu
 Pendandan Rambut Sambilan.

KEMAHIRAN TAMBAHAN

Kemahiran bahasa: Fasih bahasa Melayu dan bahasa Mandarin
 Kemahiran asas bahasa Inggeris
 Kemahiran Lain: Asas komputer

RUJUKAN

Puan Sally Teoh
 Pengurus Salon Rambut KK, Kota Kinabalu, Sabah.
 No. Telefon: 011-345678900
 E-mel: sally@gmail.com



IMBAS SAYA



Aktiviti

Berdasarkan contoh di atas, sediakan resume anda.



- 3.1.1 Menulis maklumat dalam pelbagai media:
 - ii. media elektronik



Penilaian 18


Berikan pendapat anda tentang maklumat yang disediakan dalam rajah di bawah.

TEMA
6

Apakah yang rakyat Malaysia mahu apabila mencari pekerjaan?

Gaji dan pampasan

merupakan faktor utama bagi rakyat Malaysia dalam menentukan jenis pekerjaan atau kerjaya mereka.




(Sumber: <http://www.ppk.s.edu.my>)



Jom Berkomunikasi

A. Jika diberi pilihan, pekerjaan manakah yang menarik minat anda?
Mengapakah anda memilih pekerjaan tersebut? Bincangkan bersama-sama rakan anda.



pekerja industri



pembuat roti




pembantu di kedai buku



mekanik motosikal



pelayan restoran



tukang jahit

B. Encik Adnan bin Mohd Farok seorang usahawan yang berjaya. Beliau memiliki sebuah kedai basikal yang terbesar di Butterworth, Pulau Pinang. Kini, beliau turut menubuhkan akademi latihan di Seberang Jaya, Pulau Pinang. Ceritakan kejayaan Encik Adnan kepada rakan anda.

TEMA
6





TEMA 7

ALAM SEKITAR

- 1 Apakah pandangan anda tentang gambar di atas?
- 2 Bagaimanakah anda menjaga kebersihan alam sekitar?
- 3 Apakah yang akan terjadi sekiranya alam sekitar tersebut dicemari?

Hargai Air



Mendengar dan Bertutur

Air sangat penting untuk kehidupan di muka bumi yang indah ini. Oleh sebab itu, kita haruslah menghargai air dengan cara berjimat cermat. Gunakanlah air dengan berhemat untuk mengelakkan pembaziran.

TEMA
7

Kempen Hargai Air

Punca Pencemaran Air

- Sisa buangan bahan kumbahan domestik.
- Sisa buangan industri.
- Pembuangan sampah daripada loji sampah atau tapak pelupusan sampah.
- Pencemaran daripada aktiviti pertanian.
- Aktiviti pembukaan tanah untuk pembangunan komersial.
- Aktiviti penternakan haiwan.
- Aktiviti pembalakan dan perlombongan.

Vince: Apa khabar, Mia?

Mia: Khabar baik, Vince.

Vince: Adakah awak tahu tentang Kempen Hargai Air?

Mia: Ya, saya tahu.

Vince: Adakah awak akan menyertai kempen hargai air?

Mia: Ya, saya akan menyertai kempen itu. Walau bagaimanapun, saya perlu mengetahui aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dalam kempen tersebut terlebih dahulu.

Vince: Saya dimaklumkan banyak aktiviti yang akan dilaksanakan seperti kuiz, ceramah dan tayangan video tentang proses rawatan air.



Aktiviti

1. Apakah punca pencemaran air?
2. Bagaimanakah anda boleh mengelakkan pencemaran air?






Membaca

Rawatan Air Bersih

Bekalan air bersih amat penting dalam kehidupan manusia. Sumber air yang diperoleh perlu dirawat sebelum dibekalkan kepada pengguna.

TEMA
7

AIR BERSIH



(Sumber: www.syabas.com.my)



IMBAS SAYA



Aktiviti

Huraikan proses rawatan air berpandukan kod QR yang diberikan.



2.2.2 Membaca dan menghuraikan maklumat daripada pelbagai bacaan.



Menulis

Ekopelancongan Malaysia

Ekopelancongan ialah pelancongan yang berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semula jadi seperti flora, fauna, pantai, tasik, sungai dan lain-lain. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia giat mempromosikan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan.

TEMA
7

TOURISM
MALAYSIA®



Pakej 3 Hari 2 Malam

- Penginapan
- Makan dan minum
- Aktiviti riadah

Harga dari
RM250.00
seorang

Pertanyaan atau tempahan




010-1234567

1



Jambatan gantung

2



Berkayak

3



Mendaki gunung

4



Sungai

5



Menjejak hutan



Aktiviti

Berdasarkan gambar di atas, tulis ayat dasar tentang aktiviti ekopelancongan dalam satu perenggan.



3.3.1 Menulis ayat menggunakan pola ayat dasar.



Penilaian 19

Bincangkan kepentingan air.

TEMA
7

1



2



3



6



KEPENTINGAN AIR

5



4






Mendengar dan Bertutur

Pencemaran Alam


Pencemaran boleh ditakrifkan sebagai pembuangan bahan-bahan hasil daripada aktiviti manusia. Pencemaran ini menyebabkan terganggunya keselesaan atau kemandirian kehidupan.



TEMA
7




1 Pencemaran bunyi



2 Pencemaran udara



3 Pencemaran air



4 Pencemaran tanah



Aktiviti

Bincangkan punca pencemaran alam dan berikan pandangan anda.



I.4.3 Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.



Membaca

Kencing Tikus Pembunuh Senyap

Apakah penyakit kencing tikus?

Penyakit kencing tikus ialah penyakit leptospirosis yang berpunca daripada jangkitan bakteria yang dikenali sebagai *Leptospira*.

Apakah punca penyakit ini?

Penyakit ini disebabkan oleh kencing haiwan yang terjangkit, biasanya tikus.

Bagaimanakah penyakit ini merebak?

Penyakit ini merebak melalui air kencing haiwan yang dijangkiti.



SIMPTOM

- Demam panas
- **Cirit-birit**
- Sakit kepala
- Muntah
- Menggigil
- Mata merah
- Sakit sendi
- Sakit abdomen
- Sakit kuning

KOMPLIKASI

- Meningitis
- Azotemia
- **Kelesuan melampau**
- Kerosakan hati
- Kehilangan pendengaran
- Kerosakan buah pinggang

PENCEGAHAN

- Basuh tangan sebelum dan selepas makan.
- Bersihkan kawasan selepas banjir.
- Tutup makanan.
- Jaga kebersihan **persekitaran rumah**.
- Cuci dan balut luka yang terdapat pada anggota badan.




(Sumber: www.doctoroncall.my.com)



Aktiviti

1. Berikan maksud perkataan berhuruf tebal.
2. Apakah simptom penyakit kencing tikus?
3. Bagaimanakah penyakit kencing tikus dapat dicegah?





Menulis

Pencemaran air memberikan kesan kepada manusia dan kehidupan lain.



kualiti air



mengancam kesihatan




aktiviti air kurang sambutan



gangguan ekosistem



kos rawatan air



nilai estetika



pelancongan terjejas



ekonomi meleset

KESAN PENCEMARAN AIR

TEMA
7



Aktiviti

Bina ayat berdasarkan rangkai kata.



3.3.2 Membina pelbagai pola ayat.



Penilaian 20

Baca dan fahami jadual. Bincangkan dalam kumpulan anda, kemudian bentangkannya di hadapan kelas.

Benarkah pencemaran alam mengakibatkan bencana alam? Fikirkan.

TEMA
7

Perbandingan antara pencemaran alam dengan bencana alam.

Perkara	Pencemaran Alam	Bencana Alam
Punca	Tindakan manusia seperti pembuangan sampah, pembakaran terbuka, penebangan hutan dan pembuangan sisa toksik.	Fenomena alam semula jadi, faktor cuaca dan pusingan musim.
Jenis	Pencemaran udara, air, bunyi dan tanah.	Ribut, taufan, banjir, tsunami, gempa bumi dan letusan gunung berapi.
Kesan	Kesihatan terganggu, kepupusan flora dan fauna, kualiti alam terjejas.	Kemusnahan harta benda, kehilangan nyawa dan penyakit merebak.
Langkah pencegahan	Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dan kempen kesedaran alam sekitar.	Perancangan pembangunan yang sistematik, sistem amaran awal dan menubuhkan pasukan penyelamat.



Mendengar dan Bertutur

Selamatkan Bumi

Zaidi dan Lim menyampaikan maklumat kepada rakan sekelas mereka tentang risalah alam sekitar.

SELAMATKAN BUMI

TEMA
7

ekologi

pemuliharaan

alam sekitar

produk mesra alam

jimat air

jimat tenaga

amalan 3R

pengangkutan

mesra alam



Aktiviti

Berdasarkan risalah, sampaikan isi-isi penting kepada rakan anda.



1.3.2 Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.



Hutan Maliau Basin

Inak murid yang pintar dalam pelajaran. Dia tidak pernah ponteng ke sekolah. Dia sering mengulang kaji pelajaran setiap kali ada masa terluang. Dia juga sering membantu ibu dan ayahnya berkebun. Inak amat berminat dalam aktiviti pertanian. Dia juga sering mengikut bapanya ke hutan.

“Inak, hutan ini satu anugerah. Ayah tahu kamu terlalu sayang akan Hutan Maliau Basin ini. Dunia sentiasa berubah. Manusia mengejar kemajuan, tetapi kamu mestilah pelihara hutan kita,” kata Encik Asan, bapa Inak.

“Baiklah, ayah. Saya tidak akan berpisah dengan hutan ini,” kata Inak.

“Hutan ini dunia kita. Demi hutan yang kamu sayangi, kamu perlu belajar dengan bersungguh-sungguh. Hutan ini memerlukan kamu. Kamu mesti mempertahankan hutan ini,” kata Encik Asan lagi.

“Apakah maksud ayah?” tanya Inak.

“Dengan ilmu, kamu dapat menguasai hutan ini. Hutan kita diancam dengan aktiviti pembalakan tanpa lesen. Orang yang tamak mengaut keuntungan tanpa berfikir panjang, menceroboh serta memusnahkan flora dan fauna,” kata Encik Asan lagi.

“Baiklah, ayah. Saya berjanji akan memelihara dan melestarikan hutan ini. Saya akan belajar bersungguh-sungguh demi masa depan saya dan adik-adik,” jawab Inak dengan bersungguh-sungguh.

“Marilah kita pulang, Inak. Hari pun sudah gelap. Nanti ibu kamu risau pula. Bawa semua barang kamu,” kata Encik Asan.

“Baiklah, ayah,” jawab Inak.

Encik Asan dan Inak berlalu meninggalkan hutan kebanggaan mereka. Inak pulang dengan semangat yang berkobar-kobar untuk menyahut seruan bapanya. Dia sudah membayangkan ijazah yang akan diterimanya suatu hari nanti.

“Menara gading, tunggulah aku,” getus hati Inak.



Aktiviti

1. Nyatakan isi-isi penting yang terdapat dalam teks.
2. Tulis kesudahan cerita berdasarkan gambar kedua.





Menulis

Sekolah Lestari

Projek Penghijauan Sekolah

Anjuran: Kelab Pencinta Alam

Objektif projek:

1. Menghijaukan kawasan sekolah dengan pelbagai jenis pokok.
2. Meningkatkan kualiti alam sekitar di kawasan sekolah.
3. Menggalakkan murid melibatkan diri dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Peserta:

Ibu bapa, guru dan kakitangan serta murid Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibah Jaya.

Aktiviti:

1. Membersihkan kawasan di sekitar sekolah.
2. Menanam pokok bunga di kawasan yang ditetapkan mengikut kelas.
3. Mendapatkan sumbangan pokok-pokok hiasan daripada penduduk setempat.
4. Membina landskap di kawasan yang ditetapkan.



TEMA
7



Aktiviti

Berdasarkan maklumat di atas, tulis ayat dalam bentuk perenggan.



3.4.2 Menulis ayat dalam bentuk perenggan.



Penilaian 21

Tulis maklumat di bawah dalam bentuk perenggan.

Penerapan amalan 3R dalam kalangan masyarakat dapat mengurangkan sisa pepejal di tapak pelupusan.

TEMA
7

Tip Amalan 3R



KURANGKAN (REDUCE)



Beli produk isian semula.



Gunakan kain tuala bagi menggantikan kertas tisu.



Kurangkan penggunaan beg plastik.



Gunakan e-mel untuk menghantar surat atau dokumen.

GUNA SEMULA (REUSE)



Bawa beg yang boleh digunakan semula untuk membeli barang.



Bawa bekas makanan sendiri semasa membeli makanan.



Gunakan kotak serba guna untuk menyimpan barangan.



Gunakan bekas minuman sebagai hiasan atau bekas pensel.

KITAR SEMULA (RECYCLE)



Seluar yang tidak digunakan boleh dijadikan beg.



Kertas surat khabar boleh dijadikan pelbagai jenis kraf tangan yang menarik.



Jom Berkomunikasi


A. Perihalkan gambar dan bincangkan.

1




Menyimpan makanan yang perlu sahaja.

2



Menggunakan media elektronik untuk menghantar maklumat.

3



Menyiram pokok menggunakan air tadahan.

TEMA
7

B. Secara berkumpulan, terangkan tindakan anda apabila menghadapi situasi yang berikut:



Hujan lebat selama beberapa hari menyebabkan air naik dengan cepatnya.

Seorang pekebun sedang membakar longgokan sampah di kebunnya.



Sebuah rumah terbakar tidak jauh dari rumah anda.



Seorang lelaki sedang membuang sampah ke dalam sungai.





TEMA 8

ISU SEMASA

- 1 Berdasarkan gambar di atas, apakah yang dilakukan oleh dua orang murid itu?
- 2 Pernahkah anda menggunakan komputer di sekolah?
- 3 Bagaimanakah pihak sekolah menghadkan penggunaan Internet di sekolah?

Tatakelakuan Menggunakan Laman Sosial



Mendengar dan Bertutur

TEMA 8

Joni dan rakan-rakannya sedang menyiapkan tugas tentang penggunaan laman sosial dalam kehidupan. Cikgu Ravi meminta murid-muridnya mencari maklumat tersebut dalam laman sosial secara berhemah dan beretika.

Joni, apakah pendapat kamu tentang penggunaan laman sosial secara berhemah dan beretika?

Saya berpendapat bahawa menulis dan memaparkan video dalam laman sosial haruslah berunsur ilmu, nasihat dan nilai positif. Bagaimanakah pula pandangan kamu, Alia?

Pada pandangan saya, sebagai pengguna yang berhemah dan beretika, tulis perkara yang baik sahaja dan tidak perlu mengulas semua perkara dalam laman sosial.



Aktiviti

Mengapakah anda perlu mengamalkan penggunaan laman sosial secara berhemah dan beretika?



Laman Sosial

Pada masa ini, penggunaan laman sosial melalui Internet amat popular. Antara laman sosial yang popular, termasuklah Facebook, Instagram dan Twitter. Laman sosial merupakan medium perhubungan dan penyebaran maklumat. Laman sosial juga menjadi tarikan segenap masyarakat khususnya golongan remaja. Remaja kini telah menggunakan laman sosial untuk berinteraksi dengan orang lain.

Sebagaimana yang kita ketahui, banyak kebaikan menggunakan laman sosial, termasuklah dapat menambah kenalan, mempromosikan sesuatu produk, mudah menyebarkan maklumat dan perkongsian ilmu. Selain itu, laman sosial memudahkan murid mendapatkan maklumat berkaitan dengan apa-apa sahaja tugas yang diberikan oleh guru. Perkara ini menjadi mudah kerana dapat menjimatkan masa dan tenaga.

Namun begitu, penggunaan laman sosial yang tidak berhemah menyebabkan pengguna mudah tertipu seperti penipuan wang ringgit, produk tiruan, penyamaran, fitnah dan lain-lain. Kepelbagaian aplikasi yang menarik seperti permainan dalam talian menyebabkan pengguna berasa seronok dan leka. Oleh sebab itu, pengguna haruslah bijak menggunakan laman sosial bagi mengelakkan berlakunya perkara negatif.



Aktiviti

1. Bagaimanakah laman sosial ini dapat membantu anda dalam pembelajaran?
2. Bagaimanakah anda mengelakkan perkara negatif dalam laman sosial?
Jelaskan.





Menulis

Tanggungjawab Bersama

TEMA
8

Setiap pengguna harus sedar tentang kebaikan dan keburukan menggunakan laman sosial. Oleh sebab itu, pelibatan semua pihak amat digalakkan bagi memantau dan membimbing remaja serta anak-anak menggunakan laman sosial secara berhemah.

Rakan sebaya

- Layari laman sosial secara beradab dan sopan bersama-sama rakan.
- Elakkan diri daripada terpengaruh dengan gejala negatif.

Ibu bapa

- Memantau dan mengehadakan masa anak-anak melayari laman sosial.

Guru

- Mengehadakan penggunaan laman sosial di sekolah.
- Menganjurkan ceramah tentang penggunaan laman sosial.
- Membimbing murid memilih laman sosial yang sesuai.

Masyarakat

- Mengadakan kempen tentang penggunaan Internet dalam laman sosial secara positif.
- Menguatkuasakan undang-undang penggunaan laman sosial.



Sekolah

- Membimbing murid menggunakan laman sosial secara efektif berkaitan dengan pendidikan di sekolah.



NGO

- Berganding bahu bersama-sama masyarakat setempat mencegah jenayah dan buli siber.

60,000 pelajar kita ketagih FB

Remaja habiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial

oleh Nurulhikmah Mat Yus
www.malaysiakini.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak wajar bersetia untuk 12 bilion RM tahun ini kerana 60 bilion RM diperlukan untuk membiayai projek-projek infrastruktur yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, 60,000 pelajar di seluruh negara menghabiskan masa 4 jam sehari layari internet, kerap menipu, antisosial dan menipu.

Media massa

- Mendidik pengguna agar tidak menyebarkan maklumat palsu dalam laman sosial.



Pihak berkuasa

- Menerima laporan pengguna dan mengambil tindakan sewajarnya.



Aktiviti

Bina ayat berdasarkan maklumat di atas.



3.2.3 Membina pelbagai ayat.



Penilaian 22

1. Lukis simbol 😊 bagi pernyataan yang menunjukkan kebaikan laman sosial.
2. Lukis simbol ☹️ bagi pernyataan yang menunjukkan keburukan laman sosial.
3. Bina ayat berdasarkan perkataan dan rangkai kata.

TEMA
8

cepat dan pantas



gangguan kesihatan



berkongsi idea



melalaikan



menjimatkan masa



gerbang ilmu





Mendengar dan Bertutur

Buli Siber

Buli siber ialah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik. Pernahkah anda mengalami atau melakukannya?

TEMA
8

Penyamaran dalam talian.

Gangguan dalam talian.

Penyalahgunaan foto.

Laman sesawang dan blog palsu.

Merakamkan gambar dan video tanpa kebenaran.

Menularkan berita yang tidak pasti.



Aktiviti

Anda menerima pesanan ringkas palsu. Apakah tindakan yang perlu anda lakukan?



1.3.2 Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.



Kesan Buli Siber

Buli siber boleh menyebabkan mangsa menjadi resah, murung dan stres.

TEMA
8

Pembuli siber ialah orang yang mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui Internet. Pembuli siber lebih agresif kerana identiti mereka tidak dikenali.



IMBAS SAYA

Langkah mengawal dan membendung buli siber.

1 **BERITAHU ORANG DEWASA YANG DIKENALI DAN DIPERCAYAI**

- Anda tidak keseorangan.
- Beritahu ibu bapa, abang atau kakak.



2 **JANGAN BALAS**
• E-mel daripada pembuli siber



3 **SIMPAN MESEJ PEMBULI SIBER**

- Menjadi bahan bukti kepada pihak sekolah dan polis.



BAHAN BUKTI!

TEMA 8

4 **LAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS**

- Langkah awal perlu diambil agar diri anda selamat daripada ancaman lebih besar.

5 **JANGAN BERJUMPA PEMBULI**

- Membahayakan diri jika anda berseorangan.



**BIRO ADUAN PENGGUNA
SURUHANJAYA
KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA**

No. Telefon: 03-8688 8000
No. Faksimile: 03-8688 1000
E-mel: scd@mcmc.gov.my
Laman sesawang:
www.mcmc.gov.my



Aktiviti



IMBAS SAYA

Nyatakan tindakan yang perlu anda lakukan sekiranya anda menjadi mangsa buli siber.



2.1.3 Membaca dan menjelaskan maksud petikan.



Menulis

Kempen Perangi Buli Siber

Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Anggerik melancarkan pertandingan mencipta slogan dan melukis poster bersempena dengan Kempen Perangi Buli Siber. Pertandingan ini ialah jalinan kerjasama antara pihak sekolah dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Joni membuka laman sesawang sekolahnya untuk mengetahui syarat-syarat pertandingan tersebut.

TEMA
8

Pertandingan Mencipta Slogan dan Melukis Poster

Tema:
Kempen Perangi Buli Siber

Syarat Pertandingan:

1. Poster dan slogan mestilah hasil ciptaan sendiri.
2. Borang penyertaan pertandingan hendaklah diisi secara dalam talian.
3. Tarikh tutup penyertaan pada 12 Julai 20
4. Semua peserta akan menerima sijil penyertaan dan sijil penghargaan.

Hadiah

Tempat pertama: RM300.00
Tempat kedua: RM200.00
Tempat ketiga: RM100.00

paparan sila klik di sini

Hentikan
Buli
Siber

Joni mencetak beberapa keping poster untuk dijadikan panduan sebelum menyertai pertandingan tersebut.

AWAS BULI SIBER!

Virus baharu yang bahaya
kepada masyarakat



HENTIKAN BULI SIBER!



TEMA
8



Aktiviti

1. Bina slogan berkaitan dengan Kempen Perangi Buli Siber.
2. Hasilkan poster mengikut kreativiti anda.



- 3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik:
iii. slogan



Penilaian 23

Bagaimanakah anda mengelakkan diri daripada menjadi mangsa buli siber? Terangkan.

TEMA
8



Venu

Jika saya dibuli, apakah yang perlu saya lakukan?



Syamimi

Jika kamu diganggu oleh pembuli siber semasa melayari laman tertentu, kamu hendaklah menyekat akaun orang tersebut.



Wen Xing

Jika kamu menjadi mangsa pembuli siber, beritahulah orang dewasa. Tidak perlu takut. Keberanian kamu untuk bersuara patut dipuji.


Hantar



Mendengar dan Bertutur

Sebarkan Fakta

Su Ann dan ayahnya sedang berbual-bual tentang berita yang ditularkan dalam laman sosial.


TEMA
8

Su Ann: Ayah, saya mendapat maklumat dalam laman sosial bahawa banjir yang melanda di beberapa buah negeri di Pantai Timur telah menyebabkan 6000 orang mangsa kehilangan tempat tinggal.

Encik Khoo: Su Ann, berita itu tidak benar. Jangan mudah percaya berita yang tersebar dalam laman sosial. Semak dahulu sama ada berita tersebut daripada sumber yang sahih atau tidak. Perkara seumpama ini boleh menimbulkan kerisauan dan kecemasan kepada mangsa, keluarga dan orang ramai.

Su Ann: Baiklah, ayah.



Aktiviti

Apakah pengajaran yang terdapat dalam perbualan di atas?



1.1.3 Berbual atau berisyarat tentang sesuatu perkara yang didengar dan dilihat dengan jelas.



Hentikan Penularan Berita Palsu

TEMA
8

Setiap hari, Saliha melayari laman sosial menggunakan telefon bimbit atau komputer ribanya. Saliha ingin mengetahui perkembangan terkini saudara-mara dan sahabat handai yang tinggal berjauhan. Selain itu, Saliha juga mempromosikan produk jualan ibunya dalam laman sosial. Saliha juga menggunakan medium tersebut bagi mendapatkan maklumat isu semasa sama ada di dalam atau di luar negara.



Pada suatu hari, ketika Saliha melayari laman sosial tersebut, dia melihat status berunsur fitnah yang ditujukan kepadanya oleh seseorang yang tidak dikenali. Individu berkenaan menyebarkan fitnah yang boleh menjejaskan imej dan maruah dirinya.

Saliha menghubungi individu berkenaan. Saliha meminta agar individu itu memadamkan penyebaran fitnah tersebut. Jika status fitnah itu belum dipadam, Saliha akan membuat laporan polis. Selepas beberapa jam, Saliha mendapati status tersebut telah dipadam oleh si pelaku.

Kisah tersebut ialah sebahagian daripada penyebaran mesej dan berita palsu dalam laman sosial yang semakin berleluasa. Sekiranya situasi ini tidak dibendung, dikhuatiri akan mengancam keamanan dan keselamatan negara pada masa hadapan.



Aktiviti

1. Mengapakah Saliha selalu melayari laman sosial?
2. Apakah perkara yang menimpa Saliha?
3. Bagaimanakah Saliha menghentikan penularan fitnah tersebut?





Menulis

Lempeng Bonda

Puan Ruhaya, ibu Saliha, berniaga lempeng. Lempengnya lazat dan selalu mendapat sambutan. Saliha telah membantu ibunya untuk mempromosikan lempeng dengan menggunakan laman sosial.

TEMA
8

Aneka Pilihan Lempeng

Lempeng:

Pisang	Sambal
Kelapa	Keju
Madu	Coklat
Gula merah	Karamel

Untuk tempahan:
011-1234567

Facebook
Lempeng Bonda

Twitter:
@lempengbonda



IMBAS SAYA

Dijamin
Halal



Aktiviti

Hasilkan bahan grafik untuk mempromosikan satu produk yang anda pilih.



3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik:
ii. bahan promosi



Penilaian 24

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

TEMA
8



1. Menghadkan masa penggunaan Internet ketika di rumah.
2. Membantu Su Ann mencari maklumat yang diperlukan.
3. Membiarkan Su Ann menggunakan laman sesawang dengan sesuka hati.
4. Membantu Su Ann menyiapkan kerja sekolah.
5. Memastikan penggunaan Internet secara berhemah.
6. Membiarkan kebocoran maklumat orang lain dalam laman sosial.



Jom Berkomunikasi

A. Secara berkumpulan, bincangkan nilai murni dalam setiap situasi di bawah.



IMBAS SAYA

TEMA
8

1

- Suraya menggunakan laman sosial untuk menjual produknya.

2

- Semenjak belajar di luar negara, Harif menggunakan laman sosial untuk bertanya khabar keluarganya di Malaysia.

3

- Puan Ranitah aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Oleh itu, setiap hari beliau melayari laman sosial untuk mengetahui aktiviti kemasyarakatan yang akan dijalankan.

4

- Cikgu Farah meminta murid-muridnya membina profil diri secara telus dalam laman sosial.

B. Berdasarkan peta pemikiran di bawah, sejauh manakah Internet mempengaruhi keluarga anda? Bincangkan.

TEMA
8





TEMA 9

SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

- 1 Mengapakah sains dan teknologi berguna kepada manusia?
- 2 Bagaimanakah penggunaan telefon pintar yang bijak?
- 3 Apakah kemudahan sains dan teknologi yang digunakan di sekolah?



Mendengar dan Bertutur

Maklumat di Hujung Jari

TEMA 9

Pada masa ini, aktiviti-aktiviti harian semakin meminimumkan penggunaan tenaga manusia. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan lebih banyak menggunakan teknologi maklumat yang serba canggih dan moden.



Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

E-PEMBELAJARAN



TEMA
9



Aktiviti

Bagaimanakah penggunaan teknologi membantu pembelajaran anda? Bincangkan.



I.3.1 Mengemukakan maklumat berdasarkan situasi.



Membaca



TEMA
9

Teknologi dalam Kehidupan

Suatu masa dahulu
Ketika telefon bimbit masih baharu
Semua orang tahu
Hantar mesej serba ringkas
Maklumat dihantar saling berbalas
Biarpun lambat hati tetap puas.

Kini muncul aplikasi baharu
Lebih cepat dan laju
Teks ditulis dalam telefon pintar
Setiap masa menunggu
Datangnya teks yang dihantar.

Aplikasi baharu
Boleh dengar lagu
Berswafoto dan menonton video
Ke sana sini pasti tidak sesat
Ada penunjuk jalan selamat.


Kecanggihan teknologi
Semuanya di hujung jari
Dunia kini tanpa sempadan
Jangan kita lalai dan alpa
Masa dibuang dengan sia-sia
Sampai renggang hubungan keluarga.

Nukilan,
Asmah Abdul Hamid



Aktiviti

Bincangkan penggunaan teknologi secara bijak berdasarkan puisi.



Menulis

Kamus dalam Talian

Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan kemudahan sumber rujukan yang sangat berguna, iaitu Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Laman sesawang ini boleh diakses pada bila-bila masa. Orang ramai boleh menggunakan laman sesawang ini bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kosa kata bahasa Melayu.

Laman sesawang ini boleh digunakan di dalam kelas dan dikendalikan oleh murid-murid. Mereka mencari maklumat berdasarkan perkataan atau istilah yang ditetapkan oleh guru. Ternyata penggunaannya memberikan kelebihan kepada murid dan guru dari segi penjimatan masa, interaktif dan pengayaan maklumat.

TEMA
9

Cara menggunakan laman sesawang PRPM:

1. Taip laman sesawang: <http://prpm.dbp.gov.my>.
2. Taip perkataan atau istilah yang dikehendaki.
3. Klik butang “Cari”.
4. Maklumat dan makna perkataan yang dicari akan terpapar.



Aktiviti

Senaraikan dan kelaskan perkataan yang terdiri daripada golongan kata berpandukan teks di atas.



3.2.1 Menulis perkataan yang terdiri daripada golongan kata.





Penilaian 25

Sepupu Vithiya melanjutkan pelajaran di luar negara. Dia selalu menghubungi keluarganya melalui panggilan video.

Ceritakan pengalaman anda menggunakan panggilan video untuk berhubung dengan ahli keluarga atau rakan-rakan anda.

TEMA
9





Mendengar dan Bertutur



Spesifikasi telefon	Jenis telefon	
	Telefon biasa 	Telefon pintar 
Panggilan telefon	Ada	Ada
Sistem pesanan ringkas (SMS)	Ada	Ada
Panggilan video	Tiada	Ada
Papan kekunci	Butang fizikal	Skrin sesentuh
Reka bentuk	Tebal dan berat	Nipis dan ringan
Kapasiti storan	Terhad	Sehingga 526 gigabit
Menyunting fail	Tidak boleh	Boleh
Melayari Internet	Terhad	Tanpa had
Permainan elektronik	Terhad	Pelbagai aplikasi permainan
Pemain muzik	Terhad	Tanpa had
Nada dering	Monofonik	Polifonik pelbagai pilihan lagu
Kamera	Terhad	Sehingga 48 megapiksel
Harga	Murah	Lebih mahal
Kalkulator	Ada	Ada
Navigasi GPS	Tiada	Ada
Jangkitan virus	Tiada	Berisiko



Aktiviti

Apakah telefon pilihan anda? Mengapa?



1.3.2 Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.


Aplikasi Telefon Pintar

Pada zaman sekarang, teknologi telah memudahkan kehidupan manusia. Bermula daripada berhubung dengan rakan-rakan, membeli barang keperluan, atau memesan makanan, segala-galanya boleh dilakukan hanya dengan menggunakan sebuah telefon pintar.

1

Sistem Penentududukan Sejagat (GPS)

Global positioning system (GPS) atau sistem penentududukan sejagat ialah aplikasi yang wajib ada dalam senarai aplikasi telefon pintar anda. Walaupun terdapat banyak aplikasi navigasi lain di pasaran digital, aplikasi ini boleh dikatakan sebagai yang terlengkap. Anda boleh mengubah suai suara arahan, melaporkan kemalangan atau banyak lagi fungsi menarik yang lain.



2

Kamus Dewan Eja

Dewan Eja Pro® ialah aplikasi rujukan bahasa Melayu yang lengkap. Alat ini memiliki beberapa ciri tambahan seperti penyemak tatabahasa bahasa Melayu, penyemak ejaan bahasa Melayu yang menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat dan Kamus Inggeris Melayu Dewan. Teknologi unik ini membolehkan anda mencari makna perkataan dengan menggunakan aplikasi *Windows*.



3

Tiket Elektronik (E-Tiket)

Tiket elektronik ialah tiket dalam bentuk digital. Tiket elektronik digunakan untuk aplikasi telefon pintar bagi pembelian tiket pengangkutan awam, tempahan hotel, tiket wayang dan pertandingan sukan. Tiket elektronik diperkenalkan sebagai langkah mengurangkan kesesakan di kaunter tiket. Selepas menempah dan membuat pembayaran, para pengguna boleh mencetak tiket dan seterusnya menggunakan tiket tersebut.

TEMA
9

IMBAS SAYA

4

Kod QR

Kod QR ialah singkatan untuk *Quick Response* ataupun respons pantas. Kod QR ini akan diimbas dengan menggunakan telefon pintar yang memiliki aplikasi pembaca kod QR. Internet atau Wi-Fi akan menghubungkan telefon pintar dengan portal atau laman sesawang yang dituju. Pembaca kod QR boleh mengimbas dan membaca semua jenis bar kod QR termasuk teks, produk, kalendar, e-mel dan sebagainya.

5

Quizizz

Quizizz adalah antara aplikasi yang menarik yang digunakan dalam pendidikan. Aplikasi ini dianggap mampu menggantikan kuiz cara lama yang melibatkan kertas dan pen. Melalui Quizizz, seseorang dapat mencipta kuiz baharu atau mencuba kuiz yang sedia ada. Pembelajaran menggunakan Quizizz bersifat interaktif dan menarik. Kuiz dapat dibuat dengan pantas dan mudahnya tanpa mengambil masa yang lama.



Aktiviti

Imbas kod QR untuk menjawab soalan.



IMBAS SAYA




2.1.4 Membaca dan menjawab soalan daripada bahan bacaan.

Menulis

Gunakan dengan Bijaknya

Teknologi telefon pintar yang semakin berkembang maju telah mengundang pelbagai kesan. Oleh sebab itu, pengguna perlulah bijak menggunakan telefon pintar.

TEMA
9





Aktiviti

1. Senaraikan kesan positif dan negatif penggunaan telefon pintar.
2. Bina ayat mudah berdasarkan peta pemikiran di atas.



3.3.1 Menulis ayat menggunakan pola ayat dasar.



Penilaian 26

Pilih amalan baik penggunaan telefon pintar. Bincangkan bersama-sama rakan anda.

TEMA
9



- Menggunakan media sosial dengan bijaknya.
- Berkongsi maklumat penting dalam media sosial.
- Menggunakan telefon semasa berurusan di bank.
- Menggunakan telefon ketika sedang dicas semula.
- Menjawab panggilan ketika sedang bermesyuarat.
- Duduk atau berhenti semasa menggunakan telefon.
- Menggunakan telefon untuk menjanakan pendapatan.
- Mencari informasi untuk tujuan pendidikan dan kerjaya.
- Mengurangkan masa penggunaan telefon ketika bersama-sama keluarga.
- Tetapkan telefon dalam keadaan mod senyap semasa berurusan di bank.



Mendengar dan Bertutur

Dron

Dron dikenali sebagai pesawat tanpa pemandu. Dron boleh dikawal sama ada oleh alat kawalan jauh atau melalui komputer. Perkembangan teknologi ini membolehkan orang ramai memiliki dron untuk pelbagai kegunaan seperti penggambaran filem, fotografi dan sukan.

TEMA
9

1



Kerja penyelenggaraan berisiko tinggi

2




Pertanian

3



Keselamatan

4



Bantuan kecemasan dan kesihatan

5



Fotografi dan perfileman

6



Memantau bencana alam



Aktiviti

1. Cari maklumat tambahan tentang kegunaan dron.
2. Kongsi maklumat tersebut dengan rakan anda.



1.1.3 Berbual atau berisyarat tentang sesuatu perkara yang didengar dan dilihat dengan jelas.



Penggunaan Dron dalam Sektor Pertanian

Pagi-pagi lagi, Fauzan sudah bersiap sedia untuk memulakan tugas. Dia memakai pakaian yang sesuai untuk bekerja di bendang. Dia membawa sebuah dron yang akan digunakan untuk menyembur racun di sawah padi. Dia mengambil upah menyembur racun menggunakan dron di sawah padi milik penduduk kampungnya sejak enam bulan yang lalu.

Menurut Fauzan, penggunaan dron untuk menyembur racun tidaklah semudah yang disangkakan. Selain terpaksa berjemur di bawah terik matahari, dia juga perlu mempunyai pengetahuan mengenai padi dan cara yang betul dan tepat untuk mencampurkan racun.

Fauzan sangat berminat untuk mendalami teknologi baharu terutama yang berkaitan dengan dron. Lantaran itu, dia berkeyakinan tinggi untuk menjadikan kemahiran mengendalikan pesawat udara tanpa juruterbang itu sebagai kerjaya setelah menamatkan pengajian di kolej.



Aktiviti

Jelaskan penggunaan teknologi dron dalam bidang pertanian berpandukan petikan di atas.





Menulis

Kerusi Roda Pintar

Sebuah syarikat elektronik terkemuka di Jepun telah mencipta kerusi roda pintar tanpa wayar yang dipanggil *Whill Next*. Ciptaan terbaharu ini dapat membantu OKU bergerak di kawasan lapangan terbang tanpa bantuan orang lain. Pada masa yang sama, pengguna juga boleh membawa bagasi bersama-sama.

Whill Next ini menggunakan teknologi mobiliti autonomi yang turut digunakan untuk mencipta robot. Sistem ini sangat istimewa kerana pergerakan kerusi roda dikawal dengan menggunakan aplikasi telefon pintar. Jika berlaku perlanggaran, kerusi roda itu akan berhenti secara automatik.

Menurut jurucakap syarikat pengendali, sistem ini telah dibangunkan bersempena dengan penganjuran Sukan Olimpik Musim Panas 2020 di Tokyo. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada program untuk mempertingkatkan kelengkapan lapangan terbang dengan robot. Pihak pengurusan lapangan terbang berharap agar penggunaan kerusi roda pintar ini dapat mengurangkan beban kerja kakitangannya.

(Diubah suai daripada: utusan.com.my)



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Berdasarkan video dalam kod QR, senaraikan keunikan kerusi roda tersebut.
2. Mengapakah kerusi roda ini lebih efisien daripada kerusi roda biasa?



- 3.1.1 Menulis maklumat dalam pelbagai media:
 - ii. media elektronik





Penilaian 27

Anda telah mengambil bahagian dalam pertandingan mereka cipta roket. Ceritakan hasil ciptaan anda.

TEMA
9



1 Gulungkan kertas keras membentuk kon dan balutkan dengan pita pelekat.



2 Cantumkan kon pada botol dengan pita pelekat.



3 Lukiskan tiga keping segi tiga pada kotak dan guntingkan.



6 Tuangkan satu liter air ke dalam botol.



5 Ambil tanah liat dan lekatkan pada muncung botol dengan pita pelekat.



4 Lekatkan kepingan segi tiga pada badan botol.



7 Buatlah lubang kecil pada penutup gabus dan masukkan injap pam ke dalamnya.



8 Tutupkan muncung botol dengan penutup gabus.



9 Letakkan pam angin pada muncung.

10 Terbalikkan botol dan letakkan di atas batu bata sebagai platform. Pamkan angin sehingga botol terbang ke udara.





Jom Berkomunikasi

A. Bandingkan teknologi dahulu dengan sekarang. Bincangkan.



TEMA
9



B. Mimi mengundang Suzi ke majlis perkahwinan kakaknya. Suzi menggunakan aplikasi GPS dalam telefon pintar untuk mencari lokasi majlis. Dia juga merakamkan suasana majlis perkahwinan tersebut dalam telefon pintarnya. Perihalkan pengalaman Suzi berdasarkan gambar.





TEMA 10

POLITIK

- 1 Bilakah Jalur Gemilang dikibarkan?
- 2 Siapakah Bapa Kemerdekaan Malaysia?
- 3 Bagaimanakah menjadi warganegara yang baik?



Mendengar dan Bertutur

Pemimpin Murid

TEMA
10

Majlis pelantikan kepimpinan murid sekolah, seperti pengawas sekolah, pengawas pusat sumber, pengawas koperasi, pengawas skim pinjaman buku teks (SPBT) dan pembimbing rakan sebaya telah diadakan.



Aktiviti

Bincangkan ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi pemimpin murid.





Membaca

Pemimpin masyarakat dipilih berdasarkan ciri-ciri kepimpinan yang mampu membawa kemajuan kepada masyarakat dan negara. Seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang baik dan boleh dijadikan contoh kepada orang lain.

Pemimpin Masyarakat

TEMA
10

Pemimpin yang berintegriti.

Pemimpin yang mempunyai strategi.

Melaksanakan dan mengotakan janji.

Mempunyai daya tahan fizikal dan mental.

Pemimpin yang bekerja untuk masyarakat.

Berpandangan jauh dan memberikan manfaat kepada komuniti.

Berdisiplin, bersikap positif dan fokus dengan tugas yang dijalankan.

Kepimpinannya berwawasan dan mempunyai hala tuju yang jelas.

Memiliki daya kekuatan hingga mampu memotivasikan orang lain.

Kreatif dan dapat menyampaikan prinsip-prinsip yang hendak diperjuangkan.



Aktiviti

Baca dan huraikan ciri-ciri pemimpin masyarakat berpandukan maklumat di atas.



2.2.2 Membaca dan menghuraikan maklumat daripada pelbagai bacaan.



Menulis

Bapa Kemerdekaan Malaysia

TEMA
10

PERDANA MENTERI PERTAMA

Nama: Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Tarikh Lahir: 8 Februari 1903
Gelaran: Bapa Kemerdekaan
Tempoh Berkhidmat: 31 Ogos 1957 hingga 21 September 1970

- Jasa Tunku Abdul Rahman tidak boleh dilupakan apabila beliau berjaya membawa kemerdekaan negara tanpa sebarang pertumpahan darah. Ketika negara mahu menuntut kemerdekaan daripada penjajah British, Tunku Abdul Rahman yang ketika itu ialah presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah mewujudkan kerjasama dengan Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Se-Malaysia (MIC).
- Tunku mengetuai misi ke London untuk berbincang dengan kerajaan British bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Pertemuan itu telah menyebabkan termeterainya Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1956. Akhirnya, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- Nama Tunku terus dikenang sebagai pemimpin berwibawa apabila berjaya membentuk Malaysia pada 16 September 1963 yang awalnya merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura.

- Tunku juga terkenal sebagai pemimpin yang mementingkan perpaduan. Beliau sanggup berkorban apa-apa sahaja demi kesejahteraan rakyat. Namun begitu, usahanya tidak berjaya apabila rusuhan kaum tercetus pada 13 Mei 1969. Ekoran daripada tragedi tersebut, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan. Penubuhan majlis ini bertujuan untuk mengembalikan suasana keharmonian dan kepercayaan antara kaum di Malaysia.



Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

“Mulai 31 Ogos 1957, (kita) akan menjadi sebuah negara berdaulat dan demokratik untuk selama-lamanya, yang dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan serta sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya.”

Tunku Abdul Rahman

(Sumber: Yayasan Kepimpinan Perdana)



Aktiviti

1. Cari maklumat pemimpin yang lain.
2. Tulis secara ringkas biodata pemimpin tersebut.



IMBAS SAYA



- 3.1.1 Menulis maklumat dalam pelbagai media:
 - ii. media elektronik



Penilaian 28

Yang berikut ialah ciri pemimpin yang patut dicontohi. Senaraikan pemimpin yang anda kenali. Bincangkan.

TEMA
10

adil

jujur

pintar

yakin diri

berwawasan

kreatif

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.





Mendengar dan Bertutur

Rukun Negara ialah medium penyatuan semua kaum di Malaysia. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum. Rakyat Malaysia perlu menghayati prinsip Rukun Negara.

TEMA
10

Aktiviti

Bincangkan maksud prinsip Rukun Negara.



1.4.3 Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.



Bahasa Jiwa Bangsa

Aidil selalu berhubung dengan kenalannya di luar negara. Dia dan rakannya bertukar-tukar cerita tentang negara masing-masing.

No. 69, Jalan Kasturi 4,
Taman Kasturi,
48300 Rawang,
Selangor Darul Ehsan.
7 Julai 20□□

Menemui sahabatku, Herman yang berada di Palembang, Indonesia. Semoga saudara dan keluarga dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian saudara menjadi sahabat pena saya. Saya berharap agar kita akan saling mengenal antara satu sama lain dan berkongsi cerita tentang pelbagai perkara. Oleh sebab itu, saya ingin bercerita tentang keistimewaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia.

Saudara,

Untuk makluman saudara, rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum, seperti Melayu, Cina, India dan bumiputera yang menetap di Sabah dan Sarawak. Walaupun berlainan bangsa dan agama, rakyat negara ini hidup aman, damai dan harmoni antara satu sama lain. Bahasa Melayu menjadi bahasa perpaduan yang menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka ialah badan utama yang memainkan peranan penting dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia.

Bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa ilmu untuk menyampaikan ilmu kepada rakyat, khususnya generasi muda. Antara institusi yang bertanggungjawab terhadap perkembangan ilmu dalam bahasa Melayu, termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM) pula terkenal sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pedagogi bahasa Melayu.

Menteri Pendidikan telah melancarkan kempen Dekad Membaca Kebangsaan yang bertujuan untuk membentuk masyarakat ilmu bertaraf dunia. Kempen Dekad Membaca Kebangsaan ini secara tidak langsung dapat menyemarakkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai aspek dan bidang.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia juga telah mengadakan Sayembara Pidato Antarabangsa bagi memperkenalkan bahasa kebangsaan pada peringkat dunia. Para peserta dari seluruh dunia menyertai sayembara ini dengan menyampaikan pidato mereka dalam bahasa Melayu.

Saudara,

Jika ada kelapangan, saya ingin mengundang saudara untuk datang melawat ke tempat saya. Saya akan membawa saudara melawat ke tempat-tempat menarik dan bersejarah di Malaysia. Selain itu, saya akan memperkenalkan adat dan budaya rakyat Malaysia yang sangat unik.

Sekian dahulu warkah saya pada kali ini. Saya mohon untuk mengundurkan diri. Sampaikan salam saya kepada kedua-dua orang tua saudara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Aidil



Aktiviti

1. Senaraikan isi penting yang terdapat dalam petikan.
2. Bagaimanakah anda memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi?



2.2.1 Membaca untuk menyaring maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.



Menulis

Kibarkan Jalur Gemilang

Semangat cinta akan negara dan bangga sebagai rakyat Malaysia dapat ditonjolkan dengan pelbagai cara, termasuklah mengibarkan Jalur Gemilang.

TEMA
10

Syair Jalur Gemilang

Jalur Gemilang bendera kita,
Lambang rasmi negara tercinta,
Berkibar megah di hati kita,
Kekal di jiwa rakyat jelata.

Rakyat bermegah kibar bendera,
Tidak mengira apa-apa acara,
Berbilang kaum hidup gembira,
Taat dan setia kepada negara.


Jalur Gemilang berwarna-warni,
Putih dan merah suci berani,
Lambang keikhlasan hati nurani,
Seluruh rakyat hidup harmoni.

Tersusun rapi jalur berseri,
Jumlahnya mengikut bilangan negeri,
Rasa bangga tidak terperi,
Jalur Gemilang penguat diri.

Berkibar megah Jalur Gemilang,
Di persada dunia nama dijulung,
Menjadi bukti Malaysia terbilang,
Pencapaian rakyat sangat cemerlang.



IMBAS SAYA



 **Aktiviti**

1. Terangkan maksud syair Jalur Gemilang.
2. Tulis dan hasilkan slogan yang kreatif berdasarkan gambar.



3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik:
iii. slogan



Penilaian 29

Terdapat banyak tempat menarik yang menjadi identiti nasional. Kumpulkan maklumat dan kongsikannya dengan rakan-rakan anda.

1



Menara Berkembar Petronas

2




Pulau Langkawi

3



Istana Negara

4



Gunung Kinabalu

5



Dewan Undangan Negeri Sarawak

6



Jambatan Pulau Pinang



Mendengar dan Bertutur

Berbanggalah Menjadi Rakyat Malaysia

TEMA 10

Cikgu Mira berbincang dengan murid-muridnya tentang perasaan bangga menjadi rakyat Malaysia.



Mengapakah anda bangga menjadi rakyat Malaysia?

Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana kita hidup bersatu padu.

Walaupun berbeza kaum, kita bertutur dalam bahasa kebangsaan. Selain itu, kita juga boleh menggunakan bahasa-bahasa lain.

Kehebatan kemajuan seni bina, ekonomi dan teknologi yang dimiliki oleh Malaysia adalah antara yang termaju dalam kalangan negara membangun.

Banyak lokasi pelancongan menarik, seperti pulau dan tempat bersejarah yang menjadi destinasi pilihan pelancong.



Aktiviti

Lakonan situasi di atas.



1.4.2 Mengemukakan soalan berfokus dalam perbincangan.



Membaca

Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Budi menganjurkan kempen semangat cinta akan negara. Pelbagai aktiviti telah dijalankan, termasuklah pertandingan syarahan.

TEMA
10

Semangat Cinta akan Negara

Salam sejahtera. Sekalung penghargaan saya hulurkan buat saudara pengerusi majlis, barisan hakim yang arif lagi bijaksana, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya muliakan.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

Perasaan cinta akan negara menjadikan setiap rakyat bertanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar. Rakyat juga bertanggungjawab untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang.

Terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat cinta akan negara seperti memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik sejak sekolah lagi. Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentulah akan menjadi amalan yang berkekalan hingga dewasa, sesuai dengan kata pepatah, **melentur buluh, biarlah daripada rebungunya**. Amalan ini penting supaya setiap rakyat dapat menjaga imej negara.

Semangat cinta akan negara dapat dipupuk melalui contoh dan teladan daripada pemimpin negara. Pemimpin masyarakat juga perlu menunjukkan sahsiah dan gaya kepimpinan yang baik. Dengan cara itu, anggota masyarakat terutamanya golongan muda akan mencontohi pemimpin-pemimpin mereka yang memiliki semangat patriotik yang tinggi.

Sekian, terima kasih.



Aktiviti

1. Berikan contoh amalan yang menunjukkan semangat cinta akan negara.
2. Jelaskan maksud pepatah **melentur buluh, biarlah daripada rebungunya**.





Menulis

Adila telah membaca risalah berkaitan dengan Karnival Bahasa Jiwa Bangsa. Dia bercadang untuk menyertai karnival tersebut.

Karnival Bahasa

TEMA
10

KARNIVAL BAHASA JIWA BANGSA

SEMPENA DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN

Tarikh: 23 Oktober 20□□

Masa: 9:00 pagi – 5:30 petang

Tempat: Institut Pendidikan
Guru Kampus Bahasa Melayu

Aktiviti Karnival:

Eksplorasi Bahasa

Pertandingan Lagu Puisi

Persembahan Dikir Barat

Pertandingan Berbalas Pantun

Pameran dan Jualan Buku/Produk

Pertandingan Deklamasi Puisi dan
Bahasa Berirama

Objektif:

1. Memperkukuh penguasaan bahasa sehingga mampu meneroka kepelbagaian ilmu pengetahuan melalui bahasa tersebut.
2. Memupuk minat terhadap keindahan berbahasa serta mewujudkan keprihatinan pelajar terhadap nilai-nilai estetika bahasa serta menghargainya.
3. Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan bahasa untuk memperoleh ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu.



Aktiviti

Tulis aktiviti karnival bahasa dalam bentuk perenggan.



- 3.4.1 Menulis untuk melengkapkan ayat dan perenggan dengan menggunakan perkataan dan frasa yang sesuai.



Penilaian 30

Anda telah terpilih untuk mengikuti program memperkasakan jati diri. Ceritakan pengalaman anda sepanjang program dijalankan.

TEMA
10

PROGRAM MEMPERKASAKAN JATI DIRI

TARIKH: 24 HINGGA 28 OGOS 20□□


TEMPAT: KEM BINA SEMANGAT, MORIB, SELANGOR DARUL EHSAN





Jom Berkomunikasi

A. Asyraf dan rakan-rakannya telah menyertai pertandingan menghasilkan Jalur Gemilang daripada bahan terbuang. Dia diminta untuk membentangkan hasil ciptaan kumpulannya.



TEMA
10

Peraturan pertandingan:

1. Penyertaan secara berkumpulan yang terdiri daripada lima orang murid.
2. Pertandingan akan diadakan pada 15 Ogos 20□□
3. Setiap kumpulan diberikan masa selama tiga jam untuk menyiapkan Jalur Gemilang.
4. Peserta dikehendaki menghasilkan Jalur Gemilang seperti butiran yang berikut:
 - 4.1. berukuran 91.5cm x 183cm
 - 4.2. menggunakan kertas, plastik atau bahan kitar semula
 - 4.3. ciptaan asli
5. Setiap kumpulan diberi masa selama lima minit untuk membentangkan hasil karya.



B. Cipta sajak berdasarkan grafik di bawah. Deklamasikan sajak ciptaan anda.

TEMA
10

JALUR GEMILANG



MERAH MELAMBANGKAN KEBERANIAN
BIRU MELAMBANGKAN PERPADUAN
KUNING WARNA DIRAJA
PUTIH MELAMBANGKAN KESUCIAN

GLOSARI

antisosial 1. tidak suka bergaul dengan orang lain;

2. bertentangan dengan atau berbahaya kepada peraturan atau adat sesebuah masyarakat.

aplikasi 1. kegunaan;

2. atur cara atau program komputer yang direka khusus untuk kegunaan tertentu.

autoriti kuasa atau hak untuk mengeluarkan perintah, membuat keputusan dan sebagainya.

berendul berayun di atas atau di dalam buaian.

deposit 1. wang yang disimpan (tersimpan) dalam bank;

2. sebahagian daripada bayaran berupa wang yang dibayarkan (sebahagian lagi ialah hutang).

ekologi ilmu tentang hubungan antara makhluk hidup dengan keadaan sekitarnya.

eksplorasi penjelajahan ke lapangan untuk memperoleh sesuatu.

fenomena sesuatu (kenyataan, kejadian dan sebagainya) yang dapat dikesan oleh pancaindera dan dapat pula dijelaskan secara ilmiah.

geran 1. surat hak milik tanah;

2. peruntukan kewangan

intensif dengan giat dan sungguh-sungguh.

kemandirian perihal (keadaan) dapat berdiri sendiri.

material benda-benda yang digunakan untuk sesuatu; bahan.

medium 1. orang yang menjadi pengantara antara orang halus dengan manusia biasa, orang yang dimasuki oleh orang halus.

2. bahan atau sesuatu yang menjadi perantara bagi menghasilkan sesuatu kesan.

3. bahan atau persekitaran yang menjadi tempat tinggal (tumbuh) sesuatu organisma.

memulihara menebang dan menanam semula pokok-pokok tertentu dan menjaganya dengan rapinya; membuat sesuatu supaya tidak pupus.

merisik 1. menyelidiki atau menyiasat dengan sembunyi-sembunyi (bersulit-sulit);

2. mengirim orang menyiasat berjaya atau tidak pinangan, mengirim orang untuk meminang.

monofonik mempunyai satu bunyi atau suara.

polifonik mempunyai banyak bunyi atau suara.

proaktif bersikap positif dengan merangka dan mengawal tindakan yang dilakukan jauh lebih awal daripada jangkaan akan berlakunya sesuatu perkara atau kejadian.

resume 1. ringkasan (ikhtisar).

2. keterangan ringkas tentang maklumat diri, pendidikan, pengalaman kerjaya dan sebagainya, biasanya disertakan untuk memohon sesuatu pekerjaan.

simptom gejala penyakit

spesifikasi butiran terperinci yang ditentukan (dinyatakan) untuk sesuatu, perincian (tentang sesuatu).

status taraf atau kedudukan (negara, orang dan lain-lain).

stres keadaan resah, cemas, tegang dan sebagainya akibat tekanan mental atau fizikal.

swafoto mengambil gambar foto dengan usaha sendiri menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital.

toleransi sikap dapat menerima atau menghormati pendapat, fikiran dan kepercayaan orang lain.

tular 1. berjangkit atau merebak (tentang penyakit atau benih penyakit).

2. merebak ke merata-rata (tentang sesuatu yang kurang baik).

tutorial kelas perbincangan yang diadakan dengan bimbingan seorang tutor.

wetland tanah lembap.

SENARAI RUJUKAN

Khairuddin Hj Kamarudin, 2016. *Manusia dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maruwiah Ahmad, 2010. *Tunku Abdul Rahman Putra*. Ampang: Penerbit Sinar Gemilang.

Mohd Sukur Ibrahim, 2017. *Inspirasi Sukur*. Shah Alam: PTS Publishing House.

Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2010. *Panduan Amalan 5S*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Zaine Hj Puteh, 2010. *Kompilasi Kraf Bunga Tekap*. Shah Alam: Penerbit Alaf 21 Sdn. Bhd.

Laman sesawang

<https://www.giatmara.edu.my>

<https://www.tourism.gov.my>

<https://www.syabas.com.my>

<https://www.myhealth.gov.my>

<https://www.mcmc.gov.my>

<https://www.nsc.gov.my>

<https://www.jkm.gov.my>

<https://www.utusan.com.my>

<https://www.harianmetro.com.my>

<https://www.sinarharian.com.my>

<https://sumberpendidikan.com/2016/09/15/kategori-sukan-paralimpik>

<https://www.nsc.gov.my/kejohanan/sukan-paralimpik>

<https://www.ppk.edu.my>

<https://www.perdana.org.my>

INDEKS

A

atlet 54, 56, 57, 58

B

bengkel 2, 26

beretika 93, 120

buli 125, 126, 127, 128, 129

butik 25

C

cenderamata 51

D

daif 30

dekorasi 42

diiklankan 97

disiplin 14, 17, 52

dron 149, 150

E

etika 120

I

inovasi 137, 149

insentif 60

Internet 122, 134

K

kafe 38

kategori 48

kempen 104

kreativiti 51, 52

kulinari 6

M

motivasi 8, 9, 91

O

OKU 53, 54, 59, 60, 61, 62, 63, 64,
65, 66, 67, 68, 91

P

pancaindera 64

pencemaran 109, 111, 112

pemimpin 156, 157, 159

pencen 98

praktikal 27

prihatin 30

prinsip 161

R

riadah 20

S

santuari 40

slogan 49, 128

T

teknologi 4, 7, 138, 139, 140, 153

U

usahawan 88, 89, 92, 102

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL			

RM30.00

ISBN 978-983-49-2520-8



9 789834 925208

FTK014001